



Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

KETUA PTJ :

NORYATI BINTI AHMAD

KETUA UNIT KUALITI :

NORINA BINTI AHMAD JAMIL

PENYELARAS :

NOR LELAWATI BINTI JAMALUDIN

PENULIS :

1. ROSMAN BIN YAHYA
2. NORSALIZA BINTI ABU BAKAR
3. NOR LELAWATI BINTI JAMALUDIN
4. NORYATI BINTI AHMAD
5. SYED ASHRENE BIN SYED OMAR
6. YVONNE ANG SU MING
7. ZETTY ZAHUREEN BT MOHD YUSOFF

8. NUR ZAHIDAH BINTI BAHRUDIN
9. NORASHIDA BINTI OTHMAN
10. SITI NORIDA BINTI WAHAB
11. NUR AZIRAH ZAHIDA BINTI MOHAMAD AZHAR
12. SHARULSHAHIDA SHAKREIN BINTI SAFIAN
13. AZITADOLY BINTI MOHD ARIFIN
14. NURUL SALIZAWATEE BINTI MAHPAR
15. MUHAMMAD ABD HADI BIN ABD RAHMAN
16. HEIZAL HEZRY BIN OMAR
17. NORZITAH BINTI ABDUL KARIM
18. NORINA BINTI AHMAD JAMIL
19. HUSNIYATI BTE ALI
20. UMAIRA BINTI OTHMAN KOYA

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

PENGURUSAN KANAN FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN (FPP)

FPP diterajui oleh pengurusan kanan yang berketerampilan serta mengamalkan kepimpinan berdemokrasi dan partisipatif. Fakulti diketuai oleh Dekan sebagai 'Ketua Eksekutif' dan dibantu oleh empat (4) Timbalan Dekan iaitu Timbalan Dekan Akademik (TDA), Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (TDHEP), Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi (TDPJI) dan Timbalan Dekan Jaringan Industri dan Alumni (TDICAN), bersama lima (5) orang Ketua Pusat Pengajian (KPP), lapan (8) orang Koordinator Kursus (KK), dan seorang (1) Ketua Perancangan Strategik dan Komunikasi Korporat. Di bahagian pentadbiran, FPP diuruskan oleh seorang Timbalan Pendaftar dan dua (2) orang Penolong Pendaftar.

Kepimpinan Kanan FPP bertanggungjawab menerajui, merancang dan melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta menyokong penampakan pensyarah dan pelajar, aktiviti universiti bagi merealisasikan visi dan misi UiTM. Kecemerlangan dan kecekapan kepimpinan FPP telah diterjemah melalui pengiktirafan akreditasi dari pelbagai organisasi luar seperti *Chartered Management Institute (CMI) UK*, *The Chartered Institute of Logistics and Transport UK*, *Financial Accreditation Agency (FAA)*, *Asian Pacific Institute for Events Management (APIEM)* dan *Recognition to Prior Learning* melalui *subjects' exemptions* dari *Chartered Insurance Institute (CII) UK* dan *Malaysian Insurance Institute (MII)*. FPP juga menempa kejayaan dalam memperolehi enam (6) bintang bagi MyRA 2019 dan MyRA 2020. Keterampilan ini juga diserlahkan lagi melalui penyenaiaan ke dalam World University Ranking by Subjects 2019 & 2020 melalui kursus-kursus *accounting and finance*, *business and management studies* dan *economics and econometrics*. Bagi penyediaan laporan AKNC 2019 dan 2020, FPP telah menetapkan bidang tumpuan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang menumpukan kepada ketampakan Pensyarah dan Pelajar.

Pautan (<https://fbm.uitm.edu.my/index.php>), (<https://fbm.uitm.edu.my/index.php/research/myra>) dan (<https://fbm.uitm.edu.my/index.php/corporate/top-management>) menunjukkan barisan kepimpinan kanan FPP dan pencapaian QS World Ranking FPP yang terkini.

Pelan Strategik UiTM yang berteraskan kecemerlangan global, prestasi berpandukan nilai dan pendidikan berkualiti, adalah panduan utama bagi FPP merangka Pelan Strategik FPP 2016-2020 dan 2020-2025. Pelan Strategik UiTM tersebut dibentuk berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) dan Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020) sebagai panduan.

PTJ telah dikenalpasti untuk merangka, melaksanakan, mengawal dan mengambil tindakan sewajar bagi memastikan objektif-objektif tersebut dicapai. Contohnya TDA, TDHEP dan Ketua Kualiti dipertanggungjawabkan untuk membentuk pelan tindakan strategik dan inisiatif bagi meningkatkan penampakan pelajar manakala Dekan, TDICAN dan TDPJI memberi tumpuan untuk penampakan pensyarah. Selain itu, FPP turut mewujudkan *platform* perkongsian maklumat melalui surat, e-mel serta aplikasi sosial seperti WhatsApp/Telegram dan lain-lain.

FPP juga telah mewujudkan sistem apungan maklumat berbentuk digital dan dalam talian bagi memastikan maklumat dalam sistem pengurusan kualiti lengkap dan berpusat. Penyelarasan kerja melalui mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) telah menetapkan beberapa kaedah P&P secara bersemuka bagi 2019 dan atas talian bagi 2020 dan penilaian berterusan yang lebih lebih bersasar dilaksanakan bagi menyesuaikan kepada perubahan drastik aktiviti P&P kesan dari pandemik Covid-19 yang telah berlaku pada awal tahun 2020.

Dalam menghasilkan graduan profesional, FPP telah mengambil pendekatan dengan mempelbagai aktiviti bersemuka dan dalam talian seperti webinar dan syarahan bagi jemputan dari dalam dan luar negara. Kesimpulannya, bagi memastikan aktiviti P&P dijalankan dengan baik dan lancar, tindakan segera yang diambil oleh pihak pengurusan telah membawa kepada

tindakan sistematis yang melibatkan pensyarah dan pelajar.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Visi dan Misi FPP

Visi dan Misi FPP mendokong visi dan misi UiTM dan antaranya ialah meningkatkan penampakan pensyarah dan pelajar. Kepimpinan Kanan bersama staf akademik dan pentadbiran telah merangka dan merumus Perancangan strategik FPP. Perancangan strategik ini bersandar kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025), Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020), Pelan Strategik UiTM 2016-2019 dan 2020-2025 sebagai panduan.

Maklumat-maklumat boleh dicapai melalui:

1. Pelan Pembangunan Pendidikan (<http://www.pmjb.edu.my/pmjbv2>)
2. Rancangan Malaysia Ke-11 (https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/speech/files/RMK11_Ucapan.pdf).
3. Pelan Strategik UiTM 2016-2019 dan 2020-2025 (<https://btu.uitm.edu.my/v2/index.php/download/publication/strategic-plan>)

Perancangan strategik FPP tidak statik akan dikaji dan diubah mengikut kesesuaian keperluan semasa dan akan datang. Visi dan misi FPP 2019 dan 2020 telah di selaraskan seiring dengan Visi dan Misi UiTM seperti dalam Gambarajah 1.2.

Dalam mengerakkan bidang tumpuan pilihan iaitu P&P, Kepimpin Kanan bersama Jawatankuasa Pelan Strategik FPP akan selarikan KPI UiTM dengan PI FPP yang telah ditentukan oleh BTU. Bagi meningkatkan penampakan Pelajar beberapa PI dari teras Pendidikan Kualiti telah dipadankan, manakala PI dari teras Kecemerlangan Global dan Prestasi Berpanduan Nilai diselarikan dengan meningkatkan penampakan Pensyarah. Objektif Kualiti FPP juga di gunakan untuk tujuan tersebut. **Inisiatif ini dijalankan berdasarkan kepada perancangan sistematik yang telah disediakan dengan dengan mengambilkira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan.**

Objektif Kualiti

Bagi mencapai Visi dan Misi bagi meningkatkan penampakan pensyarah dan pelajar, FPP telah merangka Objektif Kualiti FPP (rujuk Gambarajah 1.2a dan 1.2b). Objektif Kualiti FPP ini telah digubal melalui beberapa bengkel yang diadakan bersama dengan pengurusan kanan, pentadbiran, pensyarah, serta kakitangan. Tujuannya adalah untuk menggabungkan kesemua peringkat staf dalam penggubalan Objektif Kualiti supaya semua berganding bahu dalam ertikata kerja berpasukan. Melalui bengkel ini pernyataan dan pencapaian Objektif Kualiti telah dikaji, dianalisa dan dibuat penambahbaikan.

Pencapaian Objektif Kualiti ini disemak dan dianalisa bagi mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang dihadapi fakulti. Pelan tindakan juga telah di ambil bagi pembangunan akademik, keserjanaan, pelajar, sumber tenaga manusia dan infrastruktur semasa Mesyuarat Kajisemula Pengurusan dan penerangannya di Kriteria 4. Maklumat mengenai pencapaian objektif juga telah dibincangkan dan dimaklumkan kepada semua staf semasa mesyuarat fakulti, mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), mesyuarat pengurusan dan mesyuarat akademik. Kepimpinan Kanan FPP juga sentiasa memanjangkan visi, misi dan objektif kualiti FPP kepada pembekal utama, rakan kongsi, pelajar dan pihak berkepentingan melalui hubungan komunikasi secara dua hala (berkumpulan) melalui berbagai mesyuarat-mesyuarat seperti Mesyuarat Fakulti. Ia juga menggunakan edaran melalui Fail Meja, laman sesawang fakulti, risalah atau penerbitan, buku panduan pelajar/pensyarah/staf pentadbiran dan sokongan, serta melalui aplikasi WhatsApp/Telegram, notis papan kenyataan, dan juga dipamerkan di Pejabat Pentadbiran Fakulti.

Pandemik Covid-19 yang telah melanda dunia di awal tahun 2020 telah memberi impak yang besar kepada negara dan khususnya terhadap universiti dan fakulti. Beberapa tindakan drastik telah dilakukan bagi memastikan tumpuan kepada keberkesanan P&P terhadap pelajar dan

pensyarah dapat diteruskan dengan kaedah yang terbaik dan penambaikan yang berterusan selaras dengan hala tuju universiti. Dengan ini ianya dapat memastikan fakulti dapat mencapai objektif strategik yang telah ditetapkan.

Perancangan yang sistematik dan pengwujudan organisasi yang lestari telah dilaksanakan oleh kepimpinan kanan untuk mencerminkan komitmen kepimpinan kanan terhadap pemantapan nilai organisasi dan pencapaian visi dan misi FPP.

SENARAI BUKTI:

1. [Gambarajah 1.2 - Visi, Misi.pdf](#)
2. [Gambarajah 1.2a - Objektif Kualiti 2016-2020.pdf](#)
3. [Gambarajah 1.2b - Objektif Kualiti 2020-2025.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Setelah objektif and inisiatif strategik dikenalpasti untuk meningkatkan penampakan pensyarah dan pelajar, Kepimpinan Kanan bersama PTJ dalam Jawatankuasa Pelan Strategik FPP seterusnya **disampaikan diperingkat jabatan dan unit untuk dilaksanakan dalam keseluruhan sistem FPP UiTM secara berkesan**. Pengurusan dan pentadbiran fakulti sentiasa memastikan setiap perancangan dibuat ke arah pencapaian visi dan misi melalui tindakan seperti berikut:

a. Mewujudkan Pengurusan P&P Sistemik dan Terancang

- i) Jawatankuasa Jaminan Kualiti telah diwujudkan bagi memantau pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK), dengan merujuk kepada pengurusan kanan yang diterajui oleh Dekan FPP.
- ii) Menggubal Objektif Program Pendidikan (*Program Educational Objectives, PEO*) yang konsisten dengan visi dan misi UiTM dengan disokong oleh Hasil Program (*Programme Outcome, PO*) dan Hasil Kursus (*Course Outcome, CO*) untuk memastikan PEO menyokong keperluan semua Hasil Kursus (program dan kursus) yang diiktiraf.
- iii) Bagi menghasilkan graduan yang profesional, FPP menumpukan kepada pembangunan dan penambahbaikan program melalui semakan kurikulum setiap 3 – 5 tahun seperti di Gambarajah 1.3, lantikan akademia, pelaksanaan OBE dan pengukuran CDL-CQI bagi setiap kursus agar menepati kualiti P&P. Selaras dengan cabaran dan keperluan semasa pada tahun 2020, fakulti telah mengambil pendekatan kaedah P&P secara dalam talian selaras dengan kaedah yang diarahkan oleh pihak universiti (Rujuk Jadual 1.3).
- iv) Dalam memantapkan proses P&P supaya seiring dengan perkembangan era pendidikan global, pihak FPP telah berkolaborasi dengan universiti dan industri dari dalam dan luar negara. Gambarajah 1.3a menunjukkan bilangan *Memorandum of Agreement (MoA)* dan *Memorandum of Understanding (MoU)* yang aktif sehingga 2020.

Kepimpinan FPP sentiasa menggalakkan persekitaran organisasi yang sihat bagi menghasilkan perlakuan beretika, dengan menunjukkan komitmen yang tinggi dalam urusan pentadbiran melalui:

b. Promosi dan Pemastian Tingkahlaku Beretika Pensyarah dan Pelajar

- i) Pematuhan terhadap tingkahlaku beretika diterajui oleh barisan kepimpinan fakulti. Pelaksanaan sistem perakam waktu biometrik, e-cuti dan e-kalendar adalah antara contoh inisiatif FPP bagi memastikan ketaatan terhadap tingkahlaku beretika.
- ii) Penandaan kertas jawapan peperiksaan dikawal dengan menggunakan khidmat laporan pemeriksa kedua. Bagi pemantauan tingkahlaku yang tidak beretika, fakulti telah mewujudkan Jawatankuasa Disiplin dan Pembangunan Staf bagi menangani isu tersebut.
- iii) Sistem *Turnitin* digunakan bagi memastikan ketelusan hasil kerja pelajar. Pelajar juga diminta mengisi borang ikrar integriti universiti (Rujuk Gambarajah 1.3b). Borang ikrar pelajar ini digunakan berikutan perubahan penilaian akhir dari bersemuka ke dalam talian akibat pandemik Covid-19 pada 2020.

c. Pengwujudan Organisasi yang Lestari oleh Kepimpinan Kanan bagi menyokong kelancaran P&P

Kepimpinan kanan FPP sentiasa memastikan persekitaran kerja yang sesuai, kondusif dan selamat supaya program akademik dapat dilaksanakan dengan cemerlang.

- i) Memastikan pelan penggantian ahli pengurusan kanan FPP dilaksanakan dengan baik supaya tidak menjejaskan kesinambungan pentadbiran.

ii) Memastikan pensyarah mempunyai kelayakan akademik dan profesional yang diperlukan dan keperluan kepada nisbah pensyarah dan pelajar (1:15) dan menjalankan *Self-Assessment Report*.

iii) Bagi mencapai KPI yang ditentukan oleh universiti, pensyarah telah diberi kebebasan untuk menjalankan aktiviti penyelidikan, aktiviti keserjanaan dengan organisasi luar, badan kerajaan, industri, universiti luar di peringkat nasional dan antarabangsa (contoh di Gambarajah 1.3c).

v) FPP juga menyediakan kursus/seminar pengurusan staf, kursus kepimpinan, penyelidikan dan pengurusan kanan untuk membangun dan memantapkan kemahiran barisan kepimpinan baru disamping membentuk bakal pemimpin pelapis.

SENARAI BUKTI :

1. [Gambarajah 1.3 - Prosedur Semakan Program Akademik UiTM.pdf](#)
2. [Jadual 1.3 - Carta Alir Penyediaan CDL-CQI_Memo Pengendalian ODL.pdf](#)
3. [Gambarajah 1.3a - Bilangan Memorandum of Agreement \(MoA\) dan Memorandum of Understanding \(MoU\) yang aktif sehingga 2020.pdf](#)
4. [Gambarajah 1.3b - Borang Ikrar Integriti Universiti.pdf](#)
5. [Gambarajah 1.3c - cth Aktiviti Keserjanaan dgn Organisasi Luar, Kerajaan, Industri, Universiti Luar Di P Nasional Dan Antarabangsa.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelan pemantauan ditentukan menggunakan system Plan, Do, Act and Check (PDCA) seperti Gambarajah 1.4 bagi memastikan setiap perancangan dan pelaksanaan berjalan seperti dijadualkan dan seterusnya mencapai objektif strategik dalam meningkatkan penampakan pensyarah dan pelajar. **Hasil pemantauan ini akan digunakan untuk mengkaji semula sistem pengurusan di fakulti.**

i) Jawatankuasa Jaminan Kualiti akan memantau pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) melalui pembentangan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil Jaminan Kualiti yang dipengerusikan oleh Dekan (rujuk Gambarajah 1.4a).

ii) Melalui penghasilan laporan CDL-CQI, mengukur Hasil Kursus (*Course Outcome, CO*) dan Hasil Program (*Programme Outcome, PO*) yang menyokong Objektif Program Pendidikan (*Program Educational Objectives, PEO*) agar konsisten dengan visi dan misi UiTM (Lihat Jadual 1.4.).

iii) Bagi menghasilkan graduan yang profesional, FPP sentiasa;

- Mengadakan mesyuarat dan mendapat maklumbalas dari pihak industri, majikan dan penasihat akademik dalam dan luar negara seperti Gambarajah 1.4b secara berkala.

- Lantikan akademia seperti Jadual 1.4a juga telah memberi sumbangan besar kepada proses P&P, FPP. Selain itu, lantikan professor adjung di kalangan ahli korporat dapat memberi impak di dalam jalinan kerjasama dengan industri.

- Mengukur pencapaian PO dan "*Continuous Quality Improvement*" (CQI) seperti Jadual 1.4 bagi setiap kursus yang ditawarkan kepada pelajar sejajar dengan keperluan Kementerian Pengajian Tinggi serta pelaksanaan *Outcome Based Education (OBE)* dalam P&P.

- Memberi tumpuan kepada penggunaan sepenuhnya kaedah P&P termasuk penilaian akhir yang dilakukan secara bersemuka dan dalam talian dengan pemantauan unit peperiksaan (rujuk Gambarajah 1.4c: prosedur P&P dan peperiksaan).

iv) Selain menyediakan peruntukan menambahbaik prasarana serta kemudahan aktiviti P&P, fakulti turut mewujudkan suasana yang harmoni dengan menggalakkan komunikasi berkesan termasuk perkongsian maklumat antara semua staf melalui surat dan e-mel serta applikasi sosial seperti WhatsApp/Telegram selain mengekalkan komunikasi dan maklumbalas aduan dan cadangan secara tradisional yang sediaada.

v) Kepimpinan FPP turut menganjurkan latihan khusus dan umum untuk penyelidikan dan inovasi bagi memberi peluang kepada staf meningkatkan kemahiran masing-masing (rujuk Jadual 1.4b). Pembiayaan turut diberikan kepada staf akademik untuk menghadiri persidangan atau membentangkan kertas kerja.

vi) Program '*Finishing School*' seperti Gambarajah 1.4d turut dilaksanakan bagi memberi persediaan kepada pelajar tahun akhir dalam kemahiran seperti penulisan resume dan kemahiran persediaan temuduga. Pusat Kecemerlangan Pelajar turut dibangunkan sebagai tempat untuk menyokong aktiviti pelajar.

SENARAI BUKTI:

1. [Bukti Gambarajah 1.4, Gambarajah 1.4a & Jadual 1.4.pdf](#)
2. [Gambarajah 1.4b – Perbincangan Meja Bulat Untuk Penambahbaikan Kurikulum.pdf](#)
3. [Bukti Jadual 1.4a & Gambarajah 1.4c.pdf](#)
4. [Jadual 1.4b - Latihan khusus dan umum untuk penyelidikan dan inovasi.pdf](#)

5. [Gambarajah 1.4d - program Finishing School.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FPP sentiasa mengenalpasti tahap pengurusan risiko di kalangan warga ke arah mengoptimumkan hasil kerja yang berkualiti serta menyokong penampakan pensyarah dan pelajar. **Risiko yang dikenalpasti digunakan untuk merancang tindakan pencegahan yang bersesuaian melalui inisiatif-inisiatif yang bersesuaian.**

Pengurusan P&P yang Sistematis dan Terancang

- i) Pemantauan sistem Pengurusan Kualiti oleh Jawatankuasa Jaminan Kualiti berhadapan dengan risiko maklumat kurang lengkap dari sistem maklumat tidak berpusat. Kekangan-kekangan menjalankan aktiviti dan mendapatkan maklumat bersemuka tidak dapat dijalankan akibat dari pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
- ii) Dari sudut pencapaian Objektif Program Pendidikan (*Program Educational Objectives, PEO*) yang konsisten dengan visi dan misi UiTM, kecenderungan risiko dilihat adalah untuk memastikan objektif dicapai dengan tersusun.
- iii) Di dalam menghasilkan graduan yang profesional, kebanyakan aktiviti yang melibatkan lantikan akademia dan kolaborasi bersama industri tahun 2020 terpaksa ditangguhkan.
- iv) Pemantapan P&P melalui kolaborasi dengan universiti dan industri dari dalam dan luar negara terpaksa disemak semula dan ditangguhkan, memberi kesan kepada bilangan MoU dan MoA.

Promosi dan Pemastian Tingkahlaku Beretika dari kalangan pensyarah dan pelajar

- i) Di dalam pematuhan terhadap tingkahlaku beretika diterajui oleh barisan kepimpinan fakulti, penyalahgunaan sistem perakam waktu dapat dikurangkan. Pelaksanaan sistem perakam waktu biometrik, e-cuti dan e-kalendar adalah antara contoh FPP memperkenalkan dan memastikan ketaatan terhadap tingkahlaku beretika.
- ii) Risiko penandaan kertas jawapan peperiksaan menjurus kepada penandaan yang telus dan adil di dalam pemarkahan peperiksaan akhir. Namun demikian, tahun 2020 telah menampakkan risiko dari segi pengendalian peperiksaan dan penandaan kertas penilaian akhir.
- iii) Risiko penggunaan Turnitin telah dikenalpasti di mana terdapat kelemahan sistem yang masih boleh dimanipulasi oleh pelajar. Borang ikrar integriti tidak di titikberatkan oleh pelajar itu sendiri dan masih terdapat ketidaktelusan bagi hasil kerja pelajar.

Pengwujudan Organisasi yang Lestari oleh Kepimpinan Kanan bagi memastikan kelancaran P&P

- i) Risiko pelan penggantian ahli pengurusan kanan FPP memperlihatkan wujudnya jurang di antara kumpulan senior dan muda di dalam kumpulan staf. Ini memberi cabaran kepada perancangan penggantian terutama di dalam pemilihan jawatan tertinggi di dalam fakulti.
- ii) Di dalam pengendalian aktiviti P&P, fakulti telah mengenalpasti pendedahkan terhadap risiko terhadap pengurusan P&P atas talian serta penilaian pelajar.
- iii) Pencapaian KPI terkesan dan memberi impak langsung kepada aktiviti keserjanaan terutama di bidang penyelidikan, inovasi dan perundingan dan terdapat beberapa aktiviti yang telah dirancang terpaksa ditangguhkan.

SENARAI BUKTI :

1.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan pencapaian kepada hasil yang telah dijalankan dapat dilaksanakan, **fakulti telah memberi tumpuan kepada penganalisaan dan penambahbaikan dapat dilakukan.**

Pengurusan P&P yang Sistemik dan Terancang

FPP telah mewujudkan sistem apungan maklumat dalam bentuk digital dan atas talian seperti dalam Gambarajah 1.4e yang boleh diakses di pautan (<https://fbmis.uitm.edu.my/>).

ii) Bagi memastikan pencapaian objektif P&P dapat direalisasikan, penyelarasan kerja melalui mesyuarat JAF telah menetapkan beberapa kaedah P&P dalam talian (rujuk Gambarajah 1.4f), dan penilaian berterusan yang lebih bersasar dilaksanakan bagi menyesuaikan kepada perubahan aktiviti P&P kesan dari pandemik Covid-19 yang telah berlaku pada awal tahun 2020.

iii) FPP telah mengambil pendekatan dengan mempelbagai aktiviti dalam talian seperti webinar profesor pelawat dan profesor adjung (Gambarajah 1.4g). Bagi memastikan penempatan latihan industri dapat dilaksanakan, fakulti telah mengadakan pelan alternatif kepada latihan industri yang mengikut pencapaian PLO kursus.

iv) Aktiviti kolaborasi pemantapan P&P melalui kerjasama antarabangsa telah dirancang semula dengan mengadakan aktiviti dalam talian yang melibatkan syarahan jemputan oleh pensyarah fakulti dan fakulti jemputan dari luar seperti contoh dalam Gambarajah 1.4h.

Promosi dan Pemastian Tingkahlaku Beretika

i) Bagi memastikan pematuhan terhadap tingkahlaku beretika staf, fakulti telah mewujudkan Jawatankuasa Disiplin dan Pembangunan Staf seperti dalam Gambarajah 1.4i bagi memantau serta menasihati staf yang mempunyai masalah kepatuhan terhadap tingkahlaku beretika.

Pengwujudan Organisasi yang Lestari

i) Bagi mengurangkan jurang antara pensyarah, pelan perancangan penggantian pengurusan kanan fakulti telah memberi pendedahan dan latihan kepada pensyarah muda dalam bidang pentadbiran yang berkaitan.

ii) Bagi memastikan aktiviti perancangan pengantian yang lancar, pemilihan calon-calon telah dibincangkan diperingkat mesyuarat tertinggi fakulti. Ini dapat memastikan kelancaran sistem pengurusan FPP yang lestari.

SENARAI BUKTI :

1. [Gambarajah 1.4e - Sistem apungan maklumat - Faculty of Business and Management Intergrated System \(FBMIS\).pdf](#)
2. [Gambarajah 1.4f - Pekeliling Timbalan Naib Canselor \(Akademik _ Antarabangsa\) Bil 01 2020.pdf](#)
3. [Gambarajah 1.4g - Webinar Profesor Pelawat Dan Profesor Adjung.pdf](#)
4. [Gambarajah 1.4h - Aktiviti Syarahan Jemputan Oleh Pensyarah Fakulti Dan Fakulti Jemputan Dari Luar.pdf](#)
5. [Gambarajah 1.4i - Jawatankuasa Disiplin dan Pembangunan Staf.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Berlandaskan kepada perancangan yang sistematik dan pelaksanaan yang meluas, FPP sentiasa berusaha untuk meningkatkan pencapaian melalui pelbagai inisiatif yang meningkatkan ketampakan pensyarah dan pelajar terkini. Menjadi fakulti terbesar memberi kelebihan dari segi bilangan pensyarah dan pelajar yang ramai dimana ianya dapat memberi memanfaatkan kepada objektif fakulti. Ianya dapat diintegrasikan melalui pendekatan berikut:

Meningkatkan perluasan sumbangan kepada Masyarakat Dan Sokongan Komuniti

(1) Tanggungjawab Terhadap Orang Awam

Nilai teras FPP adalah tanggungjawab terhadap orang awam dan bumiputera. Kepimpinan Kanan FPP telah memulakan program dan latihan yang bermodelkan tanggungjawab dan keinginan awam untuk berkhidmat terhadap komuniti yang diberi perkhidmatan. FPP adalah tertakluk di bawah undang-undang, peraturan dan perundangan pusat (persekutuan), negeri dan tempatan di mana semua proses perancangan dan membuat keputusan perlu dipatuhi dan dituruti. FPP telah mencatatkan rekod pematuhan etika yang boleh dibanggakan (tiada rekod kesalahan etika) berdasarkan kepatuhan yang tinggi terhadap garis panduan yang telah digariskan. Tiada sebarang isu ketidakpatuhan etika dalam sejarah pengendalian/pentadbiran/pengurusan FPP. Kepentingan keselamatan pelajar dan staf FPP dicerminkan dalam matlamat utama FPP ialah mencipta satu persekitaran yang penyayang, selamat, dan pembelajaran yang teratur. Sehingga kini, FPP sangat mementingkan beberapa perkara seperti:

- i) Memastikan pihak berkanun, undang-undang awam, kesihatan, dan hak-hak keselamatan dipanjangkan kepada semua pelajar, pekerja, dan pelawat.
- ii) Memastikan persekitaran dan bangunan FPP sentiasa dijaga oleh Jabatan Penyelenggaraan dan berada dalam keadaan yang selamat.
- iii) Membuat penyeliaan dan perlindungan yang sewajarnya terhadap kesemua harta FPP dan peribadi/persendirian melalui Laporan Audit Keselamatan UiTM.

2) Meningkatkan sokongan Komuniti Utama

Komuniti utama terdiri daripada agensi kerajaan, sektor swasta, ibu bapa, hubungan ahli akademik dan orang awam. Pemimpin dan staf FPP amat komited untuk sentiasa menyokong program komuniti terutama aktiviti yang terlibat secara langsung dengan hal-hal akademik dan keprofesionalan. Gambarajah 1.5 menunjukkan contoh projek yang dijalankan bersama masyarakat. **Inisiatif-inisiatif ini diperluaskan di peringkat PTJ FPP seluruh Malaysia dengan penglibatan pensyarah dan pelajar FPP.**

SENARAI BUKTI :

1. [Gambarajah 1.5 - Contoh program yang dijalankan bersama masyarakat.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) merupakan fakulti terbesar di dalam sistem Universiti Teknologi MARA (UiTM). Penekanan terhadap aspek Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) amatlah dititikberatkan oleh FPP, UiTM dalam membentuk modal insan yang sesuai mengikut hala tuju pendidikan tinggi negara yang bertujuan meningkatkan penampakan pensyarah dan pelajar yang berdaya saing.

Sehubungan itu, pengurusan tertinggi fakulti telah merangka satu Pelan Strategik FPP 2016 – 2019, 2020-2025 yang dipengerusikan oleh pegawai yang dilantik oleh Pusat Perancangan Strategik (CSPI) (kini dikenal sebagai BTU) di bawah pemantauan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam memastikan objektif dan inisiatif strategik yang dirangka dapat memantapkan lagi bidang P&P. Tiga teras utama bagi memantapkan P&P telah dipilih iaitu penumpuan kepada proses P&P, penyelidikan dan penumpuan kepada akademik, industri dan masyarakat dalam inisiatif strategik FPP. Fokus penumpuan iaitu meningkatkan ketampakan pensyarah dan pelajar telah dikenalpasti bagi pelaporan tahun 2019 dan 2020. Teras-teras yang dipilih adalah OS1: Menghasilkan program diploma, sarjana muda dan pasca siswazah yang dinamik dan menepati kehendak pasaran serta menambah nilai dan meningkatkan kualiti program akademik, OS2: Mempersiapkan bakal graduan dengan kemahiran berfikir secara kritis, OS3: Meningkatkan mobiliti pelajar dan OS4: Meningkatkan penampakan staf akademik diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.

Objektif dan inisiatif strategik yang ditetapkan adalah berdasarkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Perancangan Dan Pelaksanaan Malaysia Ke Sebelas (RMK-11), Visi, Misi, Objektif dan Objektif Kualiti UiTM (Pelan Strategik UiTM). Pengukuhan dari aspek P&P ini juga sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025 yang telah dilancarkan pada awal 2020 menerusi Teras Strategik UiTM.

Di dalam memberi sokongan dan merealisasikan Pelan Strategik UiTM2019 dan UiTM2025, FPP telah mengambil inisiatif pelaksanaan dengan mengubal inisiatif strategik yang lebih fokus kepada 6 teras yang bertunjangkan kepada 3 teras utama universiti. Walaubagaimanapun, bagi tujuan laporan 2019-2020, FPP hanya memfokuskan kepada teras yang berkaitan P&P.

Seterusnya, bagi menyokong proses penambahbaikan teras P&P melibatkan kumpulan sasar iaitu staf akademik dan pelajar sebagai tonggak utama bagi FPP dalam merealisasikan objektif strategik yang dinyatakan. Proses penambahbaikan ini seterusnya dapat diuruskan kepada dua (2) fokus iaitu P&P serta infrastruktur yang menyokong P&P.

Ini diikuti dengan pelan pemantauan adalah amat perlu bagi memastikan objektif strategik dan inisiatif strategik dilaksanakan dengan berkesan. Pelan pemantauan menggunakan model 'plan, do, check, act' (PDCA) dengan melibatkan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan. Akhir sekali, Setelah dapat mengenalpasti risiko yang berpotensi mengekang pencapaian objektif dan inisiatif strategik yang menjadi halatuju fakulti, pengurusan FPP berusaha menjalankan proses penambahbaikan yang berkesan dalam menangani permasalahan ini.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Memandangkan FPP merupakan komponen dalam UiTM, segala perancangan objektif dan inisiatif yang dirangka adalah sejajar dengan perancangan strategik UiTM. Dokumentasi Perancangan Strategik telah disediakan dengan tujuan menyediakan garis panduan umum untuk dijadikan rujukan utama dalam menyusun strategi pelaksanaan aktiviti fokus FPP dari tahun 2016-2020 sejajar dengan perancangan dan gerak kerja UiTM bagi RMKe-11 UiTM (2016-2020) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (rujuk Gambarajah 2.2a dan Gambarajah 2.2b).

RMKe-11 UiTM berpaksi kepada kecemerlangan dalam P&P, *Knowledge Transfer* /Pengkomersilan, Kepimpinan, Perhubungan Industri dan Komuniti. Setelah Pelan Strategik UiTM berakhir pada tahun 2020, pihak pengurusan eksekutif UiTM telah merangka Pelan Strategik UiTM 2025 sebagai panduan bagi menghasilkan Pelan Strategik FPP. Pelan Strategik UiTM2025 telah di bentuk dengan mengintegrasikan perancangan melalui RMKe-11 dan juga laporan prestasi laporan pelan strategik UiTM 2016-2020. Secara khusus Pelan Strategik UiTM2025 memberi tumpuan kepada tiga teras strategik, iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berpandukan nilai.

Dalam memberi sokongan dan merealisasikan Pelan Strategik UiTM2025, FPP telah mengambil inisiatif kepada 7 teras (2016-2020) dan 6 teras (2020-2025) yang bertunjangkan kepada 3 teras utama universiti (rujuk Gambarajah 2.2c dan 2.2d). Bagi pelaporan 2019-2020 iAKNC, teras-teras yang dipilih adalah OS1: Menghasilkan program diploma, sarjana muda dan pasca siswazah yang dinamik dan menepati kehendak pasaran serta menambah nilai dan meningkatkan kualiti program akademik, OS2: Mempersiapkan bakal graduan dengan kemahiran berfikir secara kritis, OS3: Meningkatkan mobiliti pelajar dan OS4: Meningkatkan penampakan staf akademik diperingkat kebangsaan dan antarabangsa bagi meningkatkan ketampakan pensyarah dan pelajar.

Antara inisiatif yang telah dijalankan ialah jalinan kerjasama dengan universiti dan industri dalam dan luar negara (MOU/MOA) untuk menambah penampakan pelajar dan pensyarah, program pertukaran Pelajar (*inbound and outbound*), *Program Massive Open Online Course* MOOC, Program Kolaborasi Pelajar Dengan Universiti/Industri, Program Pelajar menjalani Latihan Industri di Syarikat Multinasional dan program pembudayaan keusahawanan. UiTM juga mengalakkan kursus dalam pembelajaran melalui *Massive Online Open Course (MOOC)* selari dengan Pernyataan Hala Tuju Strategik UiTM untuk RMKe-11 untuk menjadi universiti yang mengoptimumkan aksesibiliti, mempelopori ilmu, menjuarai penemuan baru serta menghasilkan teknologi berinovatif. Contoh inisiatif di lampirkan di Gambarajah 2.2e.

Selain itu, Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) telah bertindak sebagai pemudahcara dan pemangkin terhadap perhubungan dan jaringan industri, masyarakat serta penglibatan alumni universiti. Tambahan lagi, menyedari pentingnya penerapan nilai dan budaya keusahawanan di Universiti Awam (UA), Pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan Keusahawanan Malaysia (Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development (MASMED), UiTM komited menggalas tanggungjawab bagi mencapai matlamat menjadi universiti berteraskan penyelidikan dan keusahawanan. FPP turut menyumbang kepada pencapaian objektif tersebut dengan menganjurkan pelbagai aktiviti pembudayaan keusahawanan dikalangan pensyarah dan pelajar.

Selain itu, FPP mendukung penuh kepentingan tenaga kerja yang berkualiti dan berprestasi demi membawa universiti ke tahap yang lebih tinggi dan ianya menjadi tujuan utama dalam penetapan RMKe-11 UiTM. Secara kesimpulannya, dengan penumpuan kepada inisiatif strategik dan kualiti FPP dapat mencapai sasaran yang ditetapkan dan memberi impak kepada universiti secara keseluruhan. **Inisiatif ini dijalankan berdasarkan kepada perancangan sistematik yang telah disediakan dengan dengan mengambilkira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan.**

SENARAI BUKTI:

1. [Gambarajah 2.2a - RMKe-11 UiTM \(2016-2020\).pdf](#)
2. [Gambarajah 2.2b - Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi \(2015-2025\).pdf](#)
3. [Gambarajah 2.2c - 3 Teras Utama Pelan Strategik UiTM 2025.pdf](#)
4. [Gambarajah 2.2d - Teras Utama Pelan Strategik UiTM \(2016-2019\).pdf](#)
5. [Gambarajah 2.2e - Contoh inisiatif yang menyokong pencapaian objektif strategik FPP.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Visi FPP menjadi pusat rujukan utama dan pemangkin kepada profesion pengurusan dan perniagaan dikekalkan untuk perancangan strategik 2016-2020. Kesenambungan pelaksanaan PS 2010-2015 diteruskan dan proses pemantapan PS 2016-2020 telah dilaksanakan dengan sistematik melalui dengan kerjasama warga FPP yang mempunyai pelbagai latar belakang dan kepakaran. Beberapa siri perbincangan dan Bengkel Perancangan Strategik diadakan bagi menentukan halatuju FPP. Antara fokus utama PS 2016-2020 dan 2020-2025 adalah memberikan penekanan terhadap aspek pembangunan pensyarah dan pelajar. Bagi tujuan ini objektif strategik telah dikenalpasti seperti dalam Gambarajah 2.3.

Penetapan objektif strategik bagi tumpuan pengurusan dan pembangunan pelajar adalah sejajar dengan pelan RMKe-11 UiTM (CSPI-UiTM, 2016, ms 4-9) yang antaranya memberi penekanan kepada aspek graduan dinamik, pendidikan tinggi berkualiti dan aksesibiliti.

Sehubungan itu, pelbagai strategi dirangka untuk melahirkan graduan yang dinamik melalui aksesabiliti kepada sumber P&P FPP yang berkualiti. Jadual 2.3 menunjukkan pemetaan objektif strategik pembangunan pelajar FPP dengan objektif RMKe-11 UiTM.

Pemetaan menyeluruh rangka kerja Pelan Perancangan Strategik FPP 2016-2019 dan 2020-2025 yang relevan berkenaan bidang tumpuan merangkumi RMKe-11, Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia, RMKe-11 Peringkat UiTM, Objektif Strategik FPP, Bidang Tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar, KPI Pengukuran Bidang Tumpuan dan Hasil Aktiviti yang telah dijalankan.

Teras-teras yang dipilih adalah:

OS 1: Menghasilkan program diploma, sarjana muda dan pasca siswazah yang dinamik dan menepati kehendak pasaran serta menambah nilai dan meningkatkan kualiti program akademik

OS 2: Mempersiapkan bakal graduan dengan kemahiran berfikir secara kritis

OS 3: Meningkatkan mobiliti pelajar

OS 4: Meningkatkan penampakan staf akademik diperingkat kebangsaan dan antarabangsa

Teras-teras diatas akan dikaitan dengan *Performance Indicators (PIs)* yang telah ditentukan oleh pihak BTU. Antara inisiatif yang telah dijalankan ialah jalinan kerjasama dengan universiti dan industri dalam dan luar negara (MOU/MOA) untuk menambah penampakan pelajar dan pensyarah, program pertukaran Pelajar (inbound and outbound), *Program Massive Open Online Course MOOC*, Program Kolaborasi Pelajar Dengan Universiti/Industri, Program Pelajar menjalani Latihan Industri di Syarikat Multinasional dan program pembudayaan keusahawanan. UiTM juga mengalakkan kursus dalam pembelajaran melalui Penumpuan inisiatif diberikan kepada proses P&P yang melibatkan kumpulan sasar iaitu staf akademik dan pelajar yang telah dilaksanakan dalam keseluruhan sistem FPP UiTM dalam merealisasikan objektif strategik yang dinyatakan selari dengan Pernyataan Hala Tuju Strategik UiTM untuk RMKe-11 untuk menjadi universiti yang mengoptimumkan aksesibiliti, mempelopori ilmu, menjuarai penemuan baru serta menghasilkan teknologi berinovatif.

Selain itu, Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) telah bertindak sebagai pemudahcara dan pemangkin terhadap perhubungan dan jaringan industri, masyarakat serta penglibatan alumni universiti. Tambahan lagi, menyedari pentingnya penerapan nilai dan budaya keusahawanan di Universiti Awam (UA), Pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan Keusahawanan Malaysia (Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development atau MASMED, UiTM komited menggalas tanggungjawab bagi mencapai matlamat menjadi Universiti berteraskan penyelidikan dan keusahawanan. FPP turut menyumbang kepada pencapaian objektif tersebut dengan menganjurkan pelbagai aktiviti

pembudayaan keusahawanan kalangan penyeron dan pelajar.

FPP juga mendukung penuh kepentingan tenaga kerja yang berkualiti dan berprestasi demi membawa universiti ke tahap yang lebih tinggi dan ianya menjadi tujuan utama dalam penetapan RMKe-11 UiTM. **Penumpuan inisiatif diberikan kepada proses P&P yang melibatkan kumpulan sasar iaitu staf akademik dan pelajar yang telah dilaksanakan dalam keseluruhan sistem FPP UiTM dalam merealisasikan objektif strategik yang dinyatakan.**

SENARAI BUKTI :

1. [Gambarajah 2.3 - Pemetaan Objektif Strategik Dengan Fokus Utama Bidang Tumpuan.pdf](#)
2. [Jadual 2.3 - Hubungan Objektif Strategik FPP dengan RMKe-11 UiTM.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan FPP kekal fokus dengan objektif dan inisiatif strategik yang telah dipersetujui untuk tahun 2016-2020 dan 2020-2025, satu pelan pemantauan telah dirangka. Perancangan objektif dan inisiatif strategik FPP telah dibahagikan kepada tiga (3) fasa tahunan mengikut fasa transformasi iaitu Fasa 1 (2016-2017), Fasa 2 (2017 -2018) dan Fasa 3 (2019-2020) dan seterusnya. Terdapat enam teras utama di dalam fasa perancangan strategik yang dikenali sebagai Pengajaran dan Pembelajaran (P&P); Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan; Akademia, Industri dan Masyarakat; Kepimpinan; dan Keusahawanan. Seterusnya bagi perancangan strategik 2020-2025, terdapat 6 teras utama iaitu Akademik, Penyelidikan dan inovasi, Jaringan industri, masyarakat dan alumni, Keusahawanan, Kewangan dan Hal ehwal pelajar.

Jawatankuasa Perancangan Strategik membuat pelaporan mengenai pencapaian semasa FPP dan dibincang dalam mesyuarat jabatan setiap enam bulan bagi memastikan FPP dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Pemantauan juga dibuat berdasarkan pelaporan yang diterima oleh '*Centre for Strategic Planning and Information*' (CSPI) tahun 2019 & ditukar nama kepada Bahagian Transformasi Universiti (BTU) pada tahun 2020 bagi memastikan segala aktiviti yang telah dijalankan dilapor untuk direkodkan. **Mesyuarat bersama Dekan FPP diadakan untuk memastikan pengurusan FPP sentiasa mengetahui perkembangan terkini dan melakukan penambahbaikan sekiranya perlu.**

Pelan pemantauan adalah amat perlu bagi memastikan objektif strategik dan inisiatif strategik dilaksanakan dengan berkesan. Pelan pemantauan menggunakan model '*plan, do, check, act*' (PDCA) dengan melibatkan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan. (rujuk Jadual 2.4).

SENARAI BUKTI:

1. [Jadual 2.4 - Pelan pemantauan menggunakan model 'plan, do, check, act'.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Sebagai langkah untuk memastikan FPP dapat mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah ditetapkan, pihak pengurusan FPP telah mengenalpasti beberapa risiko yang berpotensi menjejaskan pencapaian sasaran. **Risiko yang dikenalpasti digunakan untuk merancang tindakan pencegahan yang bersesuaian melalui inisiatif-inisiatif yang bersesuaian.** Antara risiko yang boleh mengekang pencapaian objektif fakulti dapat dilihat dalam Jadual 2.4a.

SENARAI BUKTI :

1. [Jadual 2.4a - Pemetaan risiko merealisasikan objektif strategik FPP.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Setelah risiko yang berpotensi mengekang pencapaian objektif dan inisiatif strategik berjaya dikenalpasti, pengurusan FPP berusaha untuk melakukan penambahbaikan. Di dalam usaha mengatasi risiko berkenaan penglibatan staf akademik dan pelajar, penambahbaikan adalah dari segi memastikan staf akademik memahami objektif dan inisiatif strategik FPP. **Bagi mengatasi risiko yang telah dikenalpasti, pembentangan pencapaian tahun sebelum, pencapaian semasa dan keperluan untuk mencapai sasaran bagi tahun semasa dibentangkan oleh pengurusan tertinggi FPP di dalam perjumpaan bersama staf akademik.** Selain itu, **hasil penganalisan yang diambil dikongsi kepada warga jabatan melalui mesyuarat akademik, dan media sosial FPP.** Perancangan penambahbaikan bagi mengatasi risiko adalah seperti Jadual 2.4b.

SENARAI BUKTI :

1. [Jadual 2.4b - Langkah Penambahbaikan FPP dalam merealisasikan OS 2019-2020.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Setelah dapat mengenalpasti risiko yang berpotensi mengekang pencapaian objektif dan inisiatif strategik yang menjadi halatuju fakulti, pengurusan FPP berusaha menjalankan proses penambahbaikan yang berkesan dalam menangani permasalahan ini. Oleh yang demikian, pihak FPP mengolah risiko yang ada dan menjadikannya sebagai pencetus peluang bagi inovasi. Dari hasil buah fikiran dan sesi perbincangan, FPP dapat membangunkan satu set sistem sokongan yang amat komprehensif dan berkesan melancarkan pengoperasian FPP dalam aspek Pengajaran dan Pembelajaran. **Penumpuan inisiatif diberikan kepada proses P&P yang melibatkan kumpulan sasaran iaitu staf akademik dan pelajar yang telah dilaksanakan dalam keseluruhan sistem FPP UiTM dalam merealisasikan objektif strategik yang dinyatakan.**

SENARAI BUKTI :

1. [Jadual 2.4c - Langkah integrasi FPP dalam merealisasikan OS 2019-2020.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Penglibatan pelanggan dalam P&P amat penting dalam menjayakan agenda bagi meningkatkan ketampakan pensyarah dan pelajar. Oleh yang demikian, FPP telah mengenalpasti pelbagai kaedah bagi memastikan keperluan dan ganjaran kepada pelanggan dapat dipenuhi. Pelanggan-pelanggan FPP sentiasa dilibatkan di dalam P&P. Maklumbalas daripada pihak pelanggan untuk proses penambahbaikan sentiasa dialu-alukan, dan pelbagai medium telah diadakan.

Kumpulan sasar bagi bidang tumpuan P&P terbahagi kepada empat (4) kumpulan utama seperti ditunjukkan iaitu pelajar, kakitangan, industri dan ibubapa/penjaga pelajar. Perancangan bagi penentuan untuk setiap pelanggan tersebut telah ditetapkan dalam Perancangan Strategik Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) sebagai langkah awal perancangan sebelum operasi P&P dijalankan. Kumpulan sasar merupakan elemen penting dan wajib ada bagi pelaksanaan operasi P&P dalam mendapatkan akreditasi dari badan bertauliah.

Selaras dengan kepentingan yang diletakkan kepada pencapaian objektif kualiti yang menitikberatkan keseluruhan pemegang taruh, pelanggan misi serta proses juga dilihat penting dalam pada FPP bagi memastikan semua yang terlibat dalam merealisasikan misi serta objektif pengurusan, mendapat perhatian sewajarnya dari pihak universiti.

Kumpulan pelanggan telah dikenalpasti melalui inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan ialah jalinan kerjasama dengan universiti dan industri dalam dan luar negara (MOU/MOA) untuk menambah penampakan pelajar dan pensyarah, program pertukaran Pelajar (*inbound and outbound*), *Program Massive Open Online Course (MOOC)*, Program Kolaborasi Pelajar Dengan Universiti/Industri, Program Pelajar menjalani Latihan Industri di Syarikat Multinasional dan program pembudayaan keusahawanan. Selain itu, Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) telah bertindak sebagai pemudahcara dan pemangkin terhadap perhubungan dan jaringan industri, masyarakat serta penglibatan alumni universiti. Tambahan lagi, menyedari pentingnya penerapan nilai dan budaya keusahawanan di Universiti Awam (UA), Pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan Keusahawanan Malaysia (*Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development (MASMED)*), UiTM komited menggalas tanggungjawab bagi mencapai matlamat menjadi Universiti berteraskan penyelidikan dan keusahawanan.

Bakal pelajar FPP dikenalpasti melalui kecenderungan atau minat mereka terhadap bidang pengurusan dan perniagaan. Proses menentukan pelajar adalah berdasarkan kelayakan yang diperlukan dalam mencapai kecemerlangan P&P di FPP.

Hasil penumpuan dan kejayaan cemerlang dari dua kategori pelanggan utama iaitu pensyarah dan pelajar telah melayakkan FPP mendapat pengiktirafan penuh di peringkat lokal dan antarabangsa contohnya *Global Islamic Finance Leadership Award 2020 (GIFA)* selama dua tahun berturut-turut dan *Operational Excellence Symposium 2020 for the category of Administrative Management*. Pensyarah FPP, Prof Dr Saadiah Mohamad juga diiktiraf di kedudukan 16 terbaik di dunia bagi kategori "*2020 WOMANi Award 300 most influential women in Islamic Business and Finance*". Seterusnya, 4 pensyarah fakulti telah mendapat pengiktirafan gelaran Teknologis Profesional (Ts) dari Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).

Bagi kategori pelajar, pelbagai pengiktirafan juga telah diterima. Sebagai contoh, Muhammad Afiq Hariz Khatim telah dilantik sebagai Felo Perdana kepada Menteri Pembangunan Koperasi dan Usahawan. Selain itu, pelajar, Durre Kashaf Mohd Shariff, telah memengangi *The Best Culture Through Art Theme* di program pertukaran pelajar SuraBali 2020 sekaligus melonjakkan FPP di mata dunia. Antara pendekatan yang dilakukan adalah melalui perancangan yang teliti dalam mengenalpasti pelanggan ini dirancang dan disebarluaskan untuk pengetahuan warga FPP bagi tujuan penilaian dan penambahbaikan kaedah.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kaedah mengenalpasti pelanggan ditunjukkan di dalam Gambarajah 3.2 dibahagi kepada empat (4) kategori iaitu pelajar, ibubapa/penjaga, kakitangan dan pihak industri/alumni. Kaedah mengenalpasti pelanggan adalah berbeza bersesuaian mengikut kategori yang dikenalpasti. Kaedah mengenalpasti pelanggan ini dirancang dan disebarluaskan untuk pengetahuan warga FPP bagi tujuan penilaian dan penambahbaikan aktiviti P&P fakulti. **Kaedah ini dijalankan berdasarkan kepada perancangan sistematik yang telah disediakan dengan mengambil kira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan.** Kaedah mengenalpasti pelanggan di paparkan di Jadual 3.2.

Selain itu, proses menentukan pelajar adalah berdasarkan kelayakan yang telah ditetapkan oleh syarat-syarat pengambilan yang ditetapkan oleh pihak FPP melalui unit pengambilan pelajar.

Kaedah pengukuran pencapaian pelanggan diperolehi melalui aktiviti akademik berkaitan P&P bagi pelajar dapat diukur melalui pencapaian Anugerah Dekan, Anugerah Tertinggi Universiti (ANC) dan Anugerah Diraja. Manakala bagi pensyarah pengukuran pencapaian dapat dilihat melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah-anugerah Akademik. Bagi semua aktiviti yang dijalankan, pihak pengurusan FPP telah menjadikan minit mesyuarat dan laporan sebagai langkah pemantauan bagi memastikan pelajar dan pensyarah mendapat manfaat dari aktiviti yang dijalankan menunjukkan penglibatan pelajar dan staf FPP dalam dan luar negara.

SENARAI BUKTI:

1. [Gambarajah 3.2 - Empat \(4\) Kategori Pelanggan FPP.pdf](#)
2. [Jadual 3.2 - Kaedah kenalpasti pelanggan.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kaedah pengukuran pencapaian pelanggan diperolehi melalui aktiviti akademik berkaitan Pengajaran & Pembelajaran bagi pelajar dapat diukur melalui sistem SUFO, pencapaian Anugerah Dekan, Anugerah Naib Canselor (ANC), Anugerah Diraja manakala bagi Staf Fakulti pengukuran pencapaian dapat dilihat melalui *Happiness Index* dan Anugerah Akademik.

Di dalam mengukur keberkesanan pencapaian pelanggan, FPP telah menggunakan kaedah 5M yang merangkumi 3 fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas sesuatu aktiviti **telah dilaksanakan dalam keseluruhan sistem FPP UiTM** seperti yang diterangkan dalam Jadual 3.3.

SENARAI BUKTI :

1. [Jadual 3.3 - Kaedah mengukur keberkesanan pencapaian pelanggan. FPP menggunakan kaedah 5M.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pihak pengurusan FPP telah menggariskan beberapa perkara di dalam Pelan Strategik Fakulti 2016 - 2020 yang menekankan kepada pelaksanaan program P&P. Aktiviti pemantauan seperti Jadual 3.4 yang dijalankan di FPP telah menghasilkan output yang positif iaitu peningkatan penamakan pensyarah dan pelajar, mewujudkan ruang yang lebih banyak bagi aktiviti kolaborasi dalam P&P dan penyelidikan antara FPP, pelanggan dalaman dan luar. **Hasil pemantauan ini akan digunakan untuk mengkaji semula sistem pengurusan FPP.**

Berdasarkan kepada petunjuk prestasi utama, hasil dari tindakan pengurusan yang telah dijalankan di FPP, telah menunjukkan peningkatan yang ketara dalam perbandingan bilangan aktiviti melibatkan pensyarah dan pelajar pada tahun 2019-2020 (Rujuk Kriteria 7). Ini secara tidak langsung memberi impak positif kepada pelanggan FPP terutamanya pensyarah, pelajar, pihak industri dan masyarakat.

Bagi memastikan tumpuan pelanggan sentiasa berada di tahap terbaik, FPP telah mewujudkan budaya apresiasi dengan memberi penghargaan kepada pelanggan yang telah menunjukkan kecemerlangan didalam bidang akademik.

Sebagai contoh FPP menganugerahkan surat dan sijil penghargaan kepada pensyarah yang telah mendapat geran penyelidikan dalaman dan luar, anugerah-anugerah akademik serta pencapaian dalam bidang penyelidikan dan penerbitan. Selain itu, senarai penerima ini juga disebarluas melalui majlis anugerah "*Jewel in the Crown*", website fakulti, email rasmi UiTM, whatsapp/telegram dan Instagram fakulti, serta semasa mesyuarat akademik setiap semester. Usaha ini dapat meningkatkan kualiti kecemerlangan FPP dengan cara memotivasikan para pensyarah dan pelajar untuk menyempurnakan amanah tugas mereka dengan lebih cemerlang. Dengan cara ini, para pensyarah akan lebih bersifat kompetitif untuk menyampaikan yang terbaik di dalam sesi P&P di mana impaknya akan terkesan kepada pelajar yang merupakan pelanggan terbesar FPP (Rujuk Kriteria 7).

Bagi pelajar, FPP telah menganjurkan Majlis Anugerah Dekan serta menganugerahkan surat sijil penghargaan kepada pelajar yang telah mendapat anugerah-anugerah akademik yang berkaitan. Selain itu, senarai penerima ini juga disebarluas melalui website Fakulti, email rasmi UiTM, whatsapp/telegram dan Instagram fakulti, serta semasa mesyuarat akademik setiap semester.

SENARAI BUKTI:

1. [Jadual 3.4 - Kaedah pemantauan.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko boleh menjejaskan penumpuan kepada pelanggan. Kegagalan untuk menangani risiko boleh menjejaskan fokus terhadap pencapaian KPI UiTM dan KPI fakulti. Justeru, ini bermakna pengurusan P&P tidak dapat dilaksanakan dengan efektif. Jadual 3.4a menunjukkan beberapa risiko dan pelan **merancang tindakan pencegahan dan FPP memfokuskan kepada empat pilihan strategi dalam mengurus risiko.**

Mengikut polisi risiko UiTM, risiko adalah:

Halangan yang menjejaskan kemampuan UiTM daripada mencapai objektif, pengurusan dan aktivitiya sebagaimana yang telah diamanahkan oleh pelanggan dan pemegang taruh di atasnya. Iltizam UiTM adalah untuk menguruskan risiko secara proaktif dan bertanggungjawab bagi memastikan objektif Universiti tercapai.

Pengurusan risiko ialah satu proses yang sistematik, proaktif dan berterusan untuk mengenal pasti, menilai, mengurus, menyelia, dan menyampaikan isu-isu risiko dari perspektif organisasi yang luas, yang membawa kepada keputusan strategik mengawal yang lebih baik bagi menyumbang kepada pencapaian objektif keseluruhan organisasi dan digunakan untuk merancang tindakan pencegahan yang bersesuaian melalui inisiatif-inisiatif yang bersesuaian.

Pengurusan risiko memerlukan perhatian diberi terhadap perkara-perkara berikut:

1. Memastikan kewujudan proses dan amalan pengurusan risiko yang bersesuaian.
2. Mengendalikan analisis dan penyemakan yang berterusan terhadap pendekatan pengurusan risiko yang diamalkan
3. Penglibatan pihak pengurusan secara aktif dalam pengurusan risiko yang dihadapi.
Pengurusan risiko yang bersepadu akan dapat mewujudkan satu persekitaran sistem kawalan yang boleh memberi jaminan yang munasabah bahawa berupaya mencapai objektifnya pada tahap risiko yang boleh diterima.

SENARAI BUKTI :

1. [Jadual 3.4a - Risiko dan pelan merancang tindakan pencegahan.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Di dalam menjayakan pelaksanaan P&P yang berkesan, pihak FPP telah melaksanakan beberapa aktiviti, di antaranya adalah Bengkel *OBE Refreshment* seperti dalam Gambarajah 3.4 kepada pensyarah yang diadakan secara berkala setiap tahun. Pengetahuan OBE ini dipanjangkan berterusan kepada pelajar pada pertemuan hari pertama kuliah setiap semester. Justeru maklumat dan pengetahuan berkaitan OBE dapat dipastikan kesinambungannya sepanjang tempoh pengajian pelajar di FPP.

FPP melantik pensyarah-pensyarah menjadi pakar rujuk di dalam bidang kepakaran masing-masing. FPP juga telah menganjurkan *training of trainer (TOT)* bagi pakar-pakar rujuk berkongsi maklumat dengan pensyarah fakulti. Selain itu FPP juga memperkenalkan *MyLab* seperti dalam Gambarajah 3.4a. Antara kandungan dalam *MyLab* terdiri dari e-Book subjek, dapat membuat, mengimport, dan menguruskan tugas, kuiz, dan ujian dalam talian yang dinilai secara automatik. Ia adalah salah satu alat dalam aplikasi pengajaran dalam talian yang membolehkan pensyarah berinteraktif dengan pelajar dengan lebih efektif. *MyLab* juga terdiri daripada buku nilai "*gradebook*" dalam talian yang secara automatik mengesan keputusan pelajar dalam ujian dan tugas dengan membolehkan memberi markah dengan mudah pada setiap penilaian.

Bagi memantau prestasi pelajar dalam P&P, FPP memperkenalkan program penasihat akademik.

FPP juga memperkenalkan system dalam talian iaitu *Faculty Business and Management Integrated System (FBMIS)* bagi melancarkan aktiviti dan pengoperasian P&P di FPP. Gambarajah 3.4b menunjukkan sistem-sistem berkenaan.

Mesyuarat berkala secara bersemuka dan dalam talian juga dijalankan bagi setiap jabatan bagi memantau aktiviti P&P serta **mewar-warkan apresiasi fakulti kepada warga FPP bagi meningkatkan penampakan pensyarah dan pelajar.**

SENARAI BUKTI :

1. [Gambarajah 3.4 - Bengkel OBE Refreshment.pdf](#)
2. [Gambarajah 3.4a - MyLab.pdf](#)
3. [Gambarajah 3.4b - Faculty Business and Management Integrated System \(FBMIS\).pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Maklumat berkaitan P&P dan aktiviti pelajar boleh diakses di portal pelajar, media sosial fakulti dan program masing-masing. Wakil pelajar juga memainkan peranan bagi mengintegrasikan maklumat kepada pelajar. Portal pelajar juga dipautkan di *Student Information Management System (SIMS)*. Maklumat peribadi pelajar, program akademik serta pencapaian keputusan akademik boleh diakses di portal tersebut.

Data pelajar disimpan di dalam SIMS dan dipautkan kepada system U-FUTURE. Seterusnya data dari U-FUTURE juga dipautkan ke system *Association of Information Management System (AIMS)* (lihat Gambarajah 3.5). Melalui integrasi ini, pengurusan P&P dapat dijalankan secara lancar dan lebih efektif. Integrasi ini digunakan di seluruh system UiTM di Malaysia.

Data pelajar yang boleh diperolehi dari SIMS adalah maklumat peribadi, program akademik serta pencapaian keputusan akademik. Pihak FPP mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap keupayaan pelajar untuk berjaya dengan cemerlang, lalu pihak pengurusan telah mewujudkan penasihat akademik bagi tujuan penambahbaikan terhadap pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang kurang memberangsangkan.

Data penggerak akademik boleh diperolehi di portal staff, manakala maklumat aktiviti akademik pensyarah boleh didapati di laman sesawang FPP. FPP turut berjaya menyambungkan news hub UiTM (WOW News) dalam Gambarajah 3.5a dengan pelaporan aktiviti FPP dimuatnaik pada laman sesawang <https://news.uitm.edu.my/tag/FPP/>. Pelaporan yang efisien ini menyebabkan berita dapat disebarluaskan dengan lebih mudah dan pantas. **Penglibatan pelaporan berita aktif FPP mendapat liputan dan penghargaan dari pihak InQKA UiTM.**

Seterusnya data peribadi pensyarah juga dipautkan di sistem MyATP bagi memudahkan proses pemantauan dari pihak pengurusan dan proses kenaikan pangkat pensyarah.

FPP juga membangunkan sistem dalaman *Faculty Business and Management Integrated System (FBMIS)* bagi melancarkan aktiviti dan pengoperasian P&P, FPP. Antara objektif sistem integrasi ini adalah untuk memudahkan fakulti menjejaki dan mengemaskini segala bentuk latihan dan aktiviti staf dan pelajar, di samping melakukan perancangan strategik fakulti. Antara risiko yang dikenalpasti adalah tahap penggunaan yang masih rendah di kalangan staf dan pelajar.

Selain itu, aktiviti berkaitan pelanggan industri dikoordinasikan di bawah Unit Pengurusan-Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) dan maklumat diurusadbir oleh Koordinator yang dilantik. Maklumat berkaitan aktiviti dimasukkan ke dalam sistem *Research, Innovation, Industry, Community Information System (RIIS)* bagi pelaporan aktiviti bersama jaringan industri, masyarakat dan alumni bagi menyumbang kepada pencapaian MyRa score.

SENARAI BUKTI :

1. [Gambarajah 3.5 – Integrasi sistem UiTM yang menyokong P&P bagi FPP.pdf](#)
2. [Gambarajah 3.5a – Contoh aktiviti dimuatnaik dalam WOW News.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tumpuan kepada bidang penampakan pensyarah dan penampakan pelajar adalah amat penting kerana ia menunjukkan tahap pencapaian serta prestasi Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP) serta menjadi kayu pengukur utama kepada tahap pencapaian Pensyarah dan Pelajar FPP secara keseluruhannya. Selari dengan itu, bagi menjamin keberkesanan segala perancangan, pelaksanaan, pemantauan, dan tindakan penambahbaikan dapat tercapai dengan jayanya, maka segala pencapaian dari segi pelaksanaan serta inisiatif yang strategik yang telah dan akan dijalankan akan diukur dari semasa ke semasa.

Pelbagai data yang bertepatan telah dikumpul secara berkala bagi memastikan tujuan perancangan itu dibuat, proses pelaksanaan yang terperinci, pemantauan yang komprehensif, mengenalpasti risiko untuk mengelakkan kegagalan pencapaian sesuatu objektif, mengkaji semula hasil yang diperolehi untuk penambahbaikan secara berterusan, dan bagi memastikan segala maklumat yang dikumpul dapat diintegrasikan bagi tujuan penganalisaan dan penilaian. Pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan adalah bagi menjurus ke aras kelestarian prestasi yang cemerlang dan paling optimum di kalangan Pensyarah dan juga Pelajar dalam bidang P&P di FPP. Pengukuran kriteria dan kaedah analisis (metodologi) yang digunakan bagi pengurusan data dan maklumat bagi bidang P&P adalah seperti berikut:

Pengukuran Kriteria 1: Penampakan Pensyarah

Kaedah Analisis:

- 1) Rekod Penilaian & Pengajaran Pensyarah – akses melalui AIMS di bawah penilaian PRO-PENS/TESA
- 2) Mobiliti Pensyarah ke Luar Negara
- 3) Anugerah Khas dan Anugerah Akademik
- 4) Pencapaian *Malaysian Research Assessment (MyRA)*
- 5) Sumber Rujukan dalam bidang kepakaran
- 6) Bilangan MOU/MOA dengan Universiti Antarabangsa dan Industri
- 7) Pengiktirafan Badan Professional Tempatan atau Antarabangsa
- 8) Artikel dan Projek Perundingan
- 9) Jumlah pengiktirafan badan professional.
- 10) Bilangan Staff yang terlibat dengan program kesukarelawanan
- 12) Penggunaan *Course File Information System (CFIS)*

Pengukuran Kriteria 2: Penampakan Pelajar

Kaedah Analisis:

- 1) Jumlah Program Kolaborasi Pelajar Dengan Universiti/Industri
- 2) Jumlah Program Pelajar Menjalani Latihan Industri di Syarikat Multinasional
- 3) Jumlah program pembudayaan keusahawanan melalui bilangan pelajar yang menceburi bidang usahawan dan yang telah berdaftar dengan Pusat Keusahawanan Universiti (MASMED) atau SSM.
- 4) Jumlah pelajar mendaftar *Massive Online Open Course (MOOC)*
- 5) Bilangan penganjuran program berteraskan *Community Engagement*

6) Pelajar *Inbound/outbound*

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Terdapat beberapa kaedah ukuran yang digunapakai bagi mengukur data perancangan dan pencapaian yang berkaitan dengan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). **Kaedah ini dijalankan berdasarkan kepada perancangan sistematik yang tersedia dengan menitikberatkan elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan.** Data yang dikumpul ini penting bagi memastikan FPP dapat menjalankan proses penambahbaikan secara berterusan dalam menjamin kualiti pengurusan dan pembangunan pelajar.

Terdapat dua (2) kekuatan utama bidang tumpuan yang dipilih iaitu Penampakan Pensyarah dan Penampakan Pelajar. Jadual 4.2 dan Jadual 4.2a diterjemahkan bagi menunjukkan item pengukuran P&P yang digunakan oleh FPP. Manakala Gambarajah 4.2a pula adalah model yang digunakan untuk pengukuran, analisis, dan pengurusan pengetahuan.

Pendekatan yang diambil oleh FPP bagi bidang P&P adalah dengan memfokuskan kepada perkembangan ilmu pengetahuan berorientasikan kepada pengalaman pelajar dan staf akademik FPP itu sendiri.

Dalam usaha untuk memenuhi kriteria P&P iaitu penampakan pensyarah (Gambarajah 4.2b), FPP telah mengambil pendekatan merekodkan segala bentuk perkongsian ilmu dari pensyarah secara lebih sistematik. Justeru itu, FPP telah mewujudkan Anugerah Khas bagi menghargai usaha pensyarah dengan idea baru mereka dalam menjayakan P&P serta dihebahkan kehebatan mereka kepada umum di dalam Buletin Dalaman seperti 'QSWOW'. Di samping itu juga, FPP turut menggunakan sistem seperti AIMS bagi pakar rujuk dan pensyarah mendapatkan maklumat berkaitan subjek seperti silibus dan JSU. Pensyarah juga menggunakan sistem *course file* dan *teaching file* (CFIS) bagi tujuan untuk perkongsian ilmu berkenaan subjek bagi menyokong proses P&P sesama staf akademik.

FPP juga telah mewujudkan jawatankuasa khas iaitu *Teaching & Learning Team* bagi memastikan kesemua pensyarah FPP dilengkapi dengan ilmu berasaskan teknologi yang telah diselaraskan dalam memastikan pengurusan maklumat dan penyampaian ilmu adalah tepat dan pantas kepada pelajarannya. Usaha keras pensyarah FPP dalam membudayakan amalan penambahan ilmu yang berkualiti adalah bertujuan untuk menarik minat pelajarannya untuk turut tampil dengan idea-idea yang berinovasi. Keterlibatan dan pencapaian pelajar FPP dalam pelbagai aktiviti dan pertandingan dibincangkan dalam Mesyuarat Kumpulan Wang Pengurusan (Keraian Pelajar) bagi mendapatkan kelulusan dan peruntukan dana bagi sebarang projek yang mereka sertai.

Bagi menghargai usaha pelajar, Anugerah Akademik/ Dekan telah dikhaskan kepada pelajar FPP yang berjaya dan hebahan terhadap pencapaian mereka ini turut dihebahkan di dalam Buletin Dalaman FPP dan media sosial fakulti. Antara aktiviti yang telah dijalankan dalam usaha meningkatkan kualiti pelajar FPP dan seterusnya memartabatkan UiTM di mata dunia ini termasuklah program *FBM Exchange Student* yang melibatkan universiti-universiti terkemuka dari negara Jepun dan Indonesia (Gambarajah 4.2c).

SENARAI BUKTI:

1. [Jadual 4.2 - Kekuatan Bidang Tumpuan P&P, FPP serta Item Pengukuran.pdf](#)
2. [Jadual 4.2a - Kekuatan Bidang Tumpuan P&P, FPP serta Item Pengukuran Tahun 2020.pdf](#)
3. [Gambarajah 4.2a - Model Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
4. [Gambarajah 4.2b - Kekuatan Bidang Tumpuan Penampakan Pensyarah.pdf](#)
5. [Gambarajah 4.2c - Kekuatan Bidang Tumpuan Penampakan Pelajar.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Sebagai fakulti terbesar di UiTM, FPP sentiasa berusaha untuk mempromosikan kaedah P&P yang terbaik sebagai strategi utama untuk melahirkan graduan yang cemerlang di mata dunia. FPP komited untuk memberikan pendidikan yang lebih transformatif. Justeru itu, FPP menawarkan pelbagai program dari peringkat diploma sehingga ke peringkat sarjana. Ianya dilihat dapat memberikan sumbangan yang amat besar kepada pencapaian para pelajar di pelbagai peringkat pembelajaran. **Pelaksanaan ini adalah bagi keseluruhan UiTM di mana para pensyarah dan pelajar disatukan dengan amalan P&P yang kreatif bersumberkan teknologi bagi meningkatkan tahap perkongsian ilmu serta penyelidikan yang unik dan terbaik.**

FPP percaya bahawa dialog adalah satu bentuk komunikasi yang mendalam dan berkesan. FPP memberikan penekanan besar pada mesyuarat tinjauan program tahunan sebagai interaksi berterusan dengan ibu bapa, pakar rujuk dan pengamal industri. Ianya sangat penting dalam memastikan program kami tetap relevan dengan keperluan industri. Sesi maklum balas juga menjadi titik tolak dalam usaha kami untuk mengumpulkan graduan yang berpandukan pasaran serta berkaliber tinggi.

Selain daripada itu, FPP percaya bahawa *concept internalization* adalah sangat penting. Secara umumnya, ianya dikenali sebagai konsep pengantarabangsaan di mana ianya adalah proses menyatukan pelbagai lapisan pelajar dari seluruh pelusuk dunia yang melibatkan proses P&P. FPP telah melancarkan pelbagai program ilmiah termasuklah *Visiting Professor & Guest Lecturer, International Guest Lecture, International Webinar Series, International Conference, Public Lecture* dan beberapa lagi program sebagai langkah bagi meningkatkan kualiti P&P dalam menjangkau segenap lapisan pelajar di serata dunia di era pandemik ini dan dilakukan secara bersemuka dan secara maya (Gambarajah 4.3 dan 4.3a).

Sehubungan itu, FPP turut menggalakkan pelajar untuk terlibat dengan program *Student Employment Experience Development (SEED), Global Undergraduate Exchange Program (UGRAD)* dan juga *South East Asian Sales Competition (SEASAC)* dalam usaha meningkatkan lagi kualiti para pelajar. Ternyata, ianya adalah satu pencapaian yang amat memberangsangkan di mana sejumlah 35 kumpulan pelajar telah menyertainya dan usaha ini akan di teruskan di tahun-tahun mendatang (Gambarajah 4.3b). FPP percaya, program sebegini mampu menjadi aspirasi bagi membentuk watak dan peribadi diri seseorang pelajar ke arah yang lebih berdaya saing, mampu memupuk sifat kepemimpinan, membina sahsiah diri yang sihat, dan seterusnya membentuk generasi yang lebih berdisiplin. Ianya dilihat mampu mengembangkan kemahiran bersosial secara sihat serta berkeupayaan dalam memupuk semangat perhubungan awam. FPP juga bertanggungjawab sepenuhnya untuk melahirkan graduan yang mempunyai semangat juang yang tinggi dan berdaya saing di peringkat dunia.

FPP juga bekerjasama dengan badan pentauliahan profesional seperti EFMD, CMI, CILT, dan CIM bagi mendedahkan profesional pensijilan di peringkat awal lagi kepada pelajar FPP (Rajah 4.3c). Justeru itu, setiap tahun kami mengalu-alukan kedatangan pelajar dari segenap negara untuk melanjutkan pengajian mereka di pelbagai jenis program yang ditawarkan di FPP. FPP juga mempunyai hubungan erat dengan rakan industri utama bagi memberikan latihan dan pendedahan secara langsung serta menaja pelajar cemerlang untuk pelbagai acara di peringkat fakulti dan universiti (Gambarajah 4.3d).

SENARAI BUKTI :

1. [Gambarajah 4.3 - Program Ilmiah FPP.pdf](#)
2. [Gambarajah 4.3a - Contoh Program Ilmiah \(Luar Negara\) bagi Tahun 2020.pdf](#)

3. [Gambarajah 4.3b – Contoh Program & Pertandingan \(Luar Negara\) kepada Pelajar FPP.pdf](#)
4. [Gambarajah 4.3c - Kerjasama FPP dengan Badan Pentauliahan Profesional bagi Pensijilan Pelajar.pdf](#)
5. [Gambarajah 4.3d - Poster Kejayaan Pelajar FPP.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil pemantauan terhadap data yang dianalisa akan digunakan untuk kajisemula pengurusan bagi tujuan penambahbaikan. **Hasil analisa terhadap kekuatan bidang P&P ini dibentangkan dan dibincangkan diperingkat kepimpinan kanan FPP bagi merancang tindakan pencegahan melalui** Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Perancangan Strategik (MPS), Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF), Mesyuarat Kesepakatan, Mesyuarat Kumpulan Wang Pengurusan (Keraian Pelajar) dan Mesyuarat Kewangan dan Perolehan. Selain itu, tindakan hasil penganalisaan turut dikongsi kepada seluruh warga FPP melalui Mesyuarat Pusat Pengajian serta Mesyuarat dan Amanat Bersama Dekan. Di dalam mesyuarat ini, segala aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun 2019 sehingga 2020 dianalisa bagi mengukur pencapaian sasaran berdasarkan penunjuk prestasi (PI).

Penganalisaan data ini juga akan digunakan untuk penambahbaikan melalui medium pelaporan CDL-CQI-PDCA. Perkongsian maklumat bersama semua pemegang teras perancangan strategik dan warga fakulti ini membantu menyemak semula pencapaian bidang tumpuan P&P. Gambarajah 4.4 menunjukkan proses penggunaan hasil analisa data untuk penambahbaikan prestasi bidang tumpuan.

Pemantauan pencapaian dilaksanakan secara berkala dan berperingkat mengikut kekerapan analisa data yang telah ditetapkan. Proses pemantauan item ukuran dimulakan oleh pegawai bertanggungjawab yang terdiri daripada TD HEP, TD HEA, TD ICAN, Koordinator, KPP, Penasihat dan Pegawai Perhubungan antarabangsa (OIA) FPP yang dilantik dengan menyediakan laporan status pencapaian program dibawah seliaan masing-masing.

Pelaporan status pencapaian yang disediakan ini akan dibentangkan oleh pegawai bertanggungjawab dalam saluran pelaporan tertentu seperti mesyuarat pengurusan FPP dan JAF dan hasil pemantauan ini akan digunakan untuk kajisemula pengurusan dan seterusnya merancang tindakan pencegahan dan cara penambahbaikan untuk keseluruhan fakulti.

Bagi perancangan strategik, pemantauan pencapaian turut dilakukan oleh Unit Perancangan Strategik bagi menjalankan audit dalam fakulti setahun sekali. Unit Perancangan Strategik fakulti bertanggungjawab mamantau pencapaian PI fakulti seperti contoh di Gambarajah 4.4a. Laporan pencapaian objektif kualiti dan status indeks pencapaian CSPI turut dibentangkan bagi mengesahkan semakan terhadap perlaksanaan dan pencapaian fakulti. Dengan terlaksananya pemantauan pencapaian dan penambahbaikan secara sistematik, FPP dapat mambantu pencapaian KPI fakulti dengan lebih efektif dan justeru meningkatkan pencapaian dalam pengurusan pembangunan pengetahuan dan kemahiran pelajar, pembangunan keusahawanan pelajar dan pembangunan nilai pelajar tidak dapat dilaksanakan dengan efektif.

SENARAI BUKTI:

1. [Gambarajah 4.4 - Proses Penggunaan Hasil Analisa Data bagi Penambahbaikan Prestasi Bidang Tumpuan.pdf](#)
2. [Gambarajah 4.4a - Contoh Laporan Pencapaian PI FPP.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko boleh menjejaskan pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan. Kegagalan untuk menangani risiko boleh menjejaskan fokus terhadap pencapaian KPI UiTM dan KPI fakulti. Justeru, ini bermakna pengurusan pembangunan pengetahuan dan kemahiran pelajar, pembangunan keusahawanan pelajar dan pembangunan nilai pelajar tidak dapat dilaksanakan dengan efektif. Jadual 4.4 menunjukkan beberapa **risiko dan pelan merancang tindakan pencegahan dan FPP memfokuskan kepada empat pilihan strategi** dalam mengurus risiko (Gambarajah 4.4b).

Mengikut polisi risiko UiTM, risiko adalah:

Halangan yang menjejaskan kemampuan UiTM daripada mencapai objektif, pengurusan dan aktivitiya sebagaimana yang telah diamanahkan oleh pelanggan dan pemegang taruh di atasnya. Iltizam UiTM adalah untuk menguruskan risiko secara proaktif dan bertanggungjawab bagi memastikan objektif Universiti tercapai.

Pengurusan risiko ialah satu proses yang sistematik, proaktif dan berterusan untuk mengenal pasti, menilai, mengurus, menyelia, dan menyampaikan isu-isu risiko dari perspektif organisasi yang luas, yang membawa kepada keputusan strategik mengawal yang lebih baik bagi menyumbang kepada pencapaian objektif keseluruhan organisasi.

Pengurusan risiko memerlukan perhatian diberi terhadap perkara- perkara berikut:

1. Memastikan kewujudan proses dan amalan pengurusan risiko yang bersesuaian
2. Mengendalikan analisis dan penyemakan yang berterusan terhadap pendekatan pengurusan risiko yang diamalkan
3. Penglibatan pihak pengurusan secara aktif dalam pengurusan risiko yang dihadapi.

Pengurusan risiko yang bersepadu akan dapat mewujudkan satu persekitaran sistem kawalan yang boleh memberi jaminan yang munasabah bahawa berupaya mencapai objektifnya pada tahap risiko yang boleh diterima.

SENARAI BUKTI :

1. [Jadual 4.4 - Jenis Risiko dan Pelan Tindakan bagi Pengukuran dan Analisa Data.pdf](#)
2. [Gambarajah 4.4b - Empat pilihan strategi bagi pengurusan risiko yang dikenalpasti.pdf](#)
- 3.

4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Fakulti sentiasa komited dalam melakukan penambahbaikan berterusan bagi mencapai visi, misi dan objektif fakulti serta universiti. Seluruh warga fakulti maklum bahawa faktor dalaman dan luaran mempengaruhi keseluruhan sistem pengurusan fakulti terutamanya P&P.

Perancangan dan pemantauan yang konsisten dilakukan bagi mengenal pasti ruang untuk penambahbaikan dengan lebih berkesan. Tindakan hasil penganalisan oleh FPP dikongsi kepada warga jabatan (Jadual 4.4a).

SENARAI BUKTI :

1. [Jadual 4.4a - Pelan Tindakan dan Kaedah bagi Mengkaji Semula dan Penambahbaikan.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

FPP telah menetapkan penunjuk prestasi (PI) sebagai item pengukuran bagi FPP mengikut dua kekuatan yang telah difokuskan; Penampakan Pensyarah, dan Penampakan Pelajar. Pengukuran pencapaian ini adalah berpandukan data dari HEA, HEP, PJI, dan Unit Kualiti. PI UiTM bagi Fakulti dan Kampus telah merekodkan pencapaian 83.1% (2020) berbanding hanya 75% tahun sebelumnya (Gambarajah 4.5).

Sistem eRES digunakan untuk memuatnaik keputusan peperiksaan akhir, kerja kursus dan ujian pelajar ke laman sesawang FPP. Keputusan pelajar ini akan dianalisa mengikut dan CDL-CQI bagi mengukur pencapaian *program outcome* (PO) individu, kumpulan dan keseluruhan program (rujuk *Gambarajah 4.5a* dan *4.5b*). Kekerapan pengumpulan data untuk dianalisa menggunakan kedua-dua sistem ini adalah dua kali per semester selepas pengumuman keputusan peperiksaan akhir.

Kaedah penilaian bagi mengukur Penampakan Pensyarah adalah mengikut mobiliti pensyarah berdasarkan penglibatan dan lantikan staf sebagai pensyarah pelawat universiti, pemeriksa luar untuk pembentangan penyelidikan pasca siswazah, dan kolaborasi penyelidikan bersama universiti luar negara (Jadual 4.5, Jadual 4.5a, Gambarajah 4.5c). Kaedah pengumpulan data berpandukan kepada borang pelaporan aktiviti yang diakses oleh pensyarah melalui sistem FBMS-H.R.I.S. (Gambarajah 4.5d). Sistem ini merupakan satu inisiatif FPP dalam menganalisa aktiviti pensyarah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. **Pemetaan dilakukan melalui sistem ini dapat menunjukkan penampakan pensyarah serta UiTM di mata dunia** dalam bidang khusus FPP dan permohonan adalah wajib mendapat kelulusan Unit PJI fakulti bagi aktiviti penyelidikan, perundingan, MOU dan MOA (Jadual 4.5b dan Gambarajah 4.5e) samada di peringkat bahagian dalam, luar, dan keseluruhan PTJ.

Penampakan Pelajar dinilai berdasarkan penglibatan pelajar dalam aktiviti P&P (Gambarajah 4.5f) menggunakan peruntukan kewangan KWP (Keraian Pelajar). Kaedah ini memerlukan pelajar mengemukakan kertas kerja dan Borang Permohonan Aktiviti Pelajar (C-HEP/PKP/09_Pindaan2019) dan memohon peruntukan bagi aktiviti P&P melalui sistem SAIS. Pelajar wajib mengemukakan laporan penuh apabila tamat aktiviti bagi mengkaji keberkesanannya terhadap pembangunan sendiri pelajar. Laporan dihantar kepada Penolong Pendaftar HEP dan data penuh kemenangan turut direkodkan di dalam FBMS-SAIS untuk dianalisa.

SENARAI BUKTI :

1. [Gambarajah 4.5 - Penunjuk Prestasi FPP.pdf](#)
2. [Bukti 2 Gambarajah 4.5a & Gambarajah 4.5b.pdf](#)
3. [Bukti 3 Jadual 4.5 & Gambarajah 4.5c.pdf](#)
4. [Bukti 4 Jadual 4.5a, Gambarajah 4.5d, Jadual 4.5b & Gambarajah 4.5e.pdf](#)
5. [Gambarajah 4.5f Senarai Aktiviti yang melibatkan Pelajar.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi mencapai kecemerlangan akademik, FPP telah menghasilkan Perancangan Strategik 2016 – 2020 dan 2020-2025 bagi mewujudkan perancangan dan strategik yang komprehensif dan dinamik. Perancangan strategik 2016-2010 ini dibahagikan kepada tiga (3) fasa transformasi iaitu Fasa 1 (2016-2017), Fasa 2 (2017 -2018) dan Fasa 3 (2019-2020) manakala perancangan strategik 2020-2025 terbahagi kepada lima (5) fasa transformasi iaitu Fasa 1 (2020-2021), Fasa 2 (2021-2022), Fasa 3 (2022-2023), Fasa 4 (2023-2024) dan Fasa 5 (2024-2025).

Kini tumpuan P&P adalah kepada penyediaan program pengajaran yang berkualiti serta memenuhi kehendak pasaran industri dan pelanggan dengan fokus utama kepada peningkatan ketampakan pensyarah dan pelajar. Disamping itu, ia juga bertujuan meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan para pensyarah yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan serta meningkatkan kreativiti kakitangan sokongan melalui program pembangunan sumber manusia. Perancangan strategik ini juga dihasilkan bagi pembangunan kerjaya dan kepimpinan, meningkatkan integriti dan mewujudkan budaya organisasi yang cemerlang serta mengekalkan tenaga kerja terbaik melalui program pengiktirafan dan penghargaan. Tahun 2020 telah merubah pendekatan P&P kepada pengajaran atas talian secara sepenuhnya kesan dari pandemik Covid-19 yang melanda negara dan seluruh dunia. Ianya telah mengubah paradigma pendidikan secara menyeluruh. Fakulti telah mengambil pendekatan drastik selaras dengan hala tuju universiti.

Pelan perancangan strategik FPP telah menggariskan 5 teras utama (2019) dan 6 teras utama (2020) (Rujuk Kriteria 2). Untuk menjayakan strategik bagi teras Pengajaran & Pembelajaran (P&P), penglibatan seluruh warga FPP adalah sangat dititikberatkan bagi memastikan sasaran yang dirangka tercapai berpandukan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan. Kaedah yang digunapakai bagi pengurusan sumber manusia serta menjayakan penyampaian perkhidmatan dalam bidang pencapaian akademik (P&P) adalah tertakluk kepada kekuatan/keupayaan dan kapasiti sumber manusia khususnya pensyarah dan pihak pentadbir amnya.

Bagi memastikan FPP sentiasa berdaya saing dalam aspek penyelidikan, pelbagai aktiviti yang mengeratkan perhubungan antara sumber manusia antara pengurusan tertinggi, pensyarah dan staf sokongan di FPP, latihan dan pendekatan yang dijalankan oleh pihak fakulti untuk memaksimumkan penglibatan staf. Tambahan lagi, penglibatan dalam bidang penyelidikan dan khidmat masyarakat telah memperlihatkan pelbagai pencapaian peringkat dan perjanjian persefahaman (MoU/MoA) dengan pelbagai pihak telah dimeterai.

Bagi memastikan kegemilangan fakulti di peringkat global, pelbagai program webinar dan mobiliti pensyarah dengan industri dan universiti dalam dan luar negara telah dijalankan. Ini dapat dilihat melalui kejayaan program-program dan MOOC yang telah dianjurkan oleh pihak fakulti serta peningkatan kemahiran dari segi keusahawanan dengan kerjasama MASMED.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pihak pengurusan FPP telah menyusun struktur pengurusan Hal Ehwal Akademik (HEA) yang bersesuaian dengan tugas dan tanggungjawab, seperti Timbalan Dekan (TD HEA), KPP, KK dan Penyelaras Akademik, bagi memberi pekhidmatan yang berkesan dalam memastikan kelancaran pelaksanaan operasi, akademik dan kurikulum. Pihak FPP turut melantik staf akademik bagi menggerakkan program strategik yang telah dirangka bagi mengoptimalkan kepakaran sebagai penasihat pelajar, penasihat program, pensyarah pengiring, penilai latihan industri dan penilai projek tahun akhir pelajar. Dalam memastikan P&P secara ODL dapat dijalankan dengan baik pensyarah dan pelajar telah didedahkan kepada pelbagai platform agar P&P dapat dijalankan dengan efektif dan capaian kepada pelajar dapat dilaksanakan.

Bagi memastikan FPP sentiasa terkehadapan, pelbagai aktiviti yang mengeratkan perhubungan antara sumber manusia antara pengurusan tertinggi, pensyarah dan staf sokongan di FPP, latihan dan pendekatan yang dijalankan oleh pihak fakulti untuk memaksimumkan penglibatan staf. Fakulti juga melantik pensyarah dan staf sokongan sebagai ahli jawatankuasa pelbagai aktiviti fakulti.

Selain itu pelbagai kaedah yang digunapakai bagi pengurusan sumber manusia serta menjayakan penyampaian perkhidmatan dalam bidang pencapaian akademik (P&P) ini juga adalah tertakluk kepada kekuatan/keupayaan dan kapasiti sumber manusia seperti di Gambarajah 5.2. Selain itu, program seperti *CEO@faculty programme* memberi pendedahan kepada pensyarah terlibat tentang aktiviti secara langsung dalam program mentor bersama CEO dari industri. Ini dapat meningkatkan ketampakan pensyarah FPP. Tambahan lagi, penglibatan dalam bidang penyelidikan dan khidmat masyarakat telah memperlihatkan pelbagai pencapaian peringkat dan perjanjian persefahaman (MoU/MoA) seperti contoh Gambarajah 5.2b dengan pelbagai pihak telah dimeterai. **Inisiatif ini dijalankan berdasarkan kepada perancangan sistematik yang telah disediakan dengan dengan mengambilkira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan.**

Ketampakan pensyarah FPP menyerlah dengan adanya peningkatan dalam penerbitan. Jumlah geran yang diperolehi juga telah menyumbang kepada skor MyRA. Bilangan artikel yang diterbitkan pada tahun 2019 adalah sebanyak 232 dan 198 pada tahun 2020. Manakala jumlah geran yang diperolehi ialah 70 geran dengan nilai dana RM1,559,125.73 bagi tahun 2019 manakala bagi tahun 2020 sebanyak 55 geran dengan nilai dana berjumlah RM1,479,141.90 (Jadual 5.2a).

Dalam bidang perundingan, pensyarah FPP telah berjaya menerima 9 projek perundingan yang bernilai RM326,667 pada tahun 2019 dan 6 projek perundingan bernilai RM178,000 dalam tahun 2020 (Jadual 5.2b). Penerimaan geran penyelidikan, perundingan dan penerbitan berimpak tinggi telah memacu FPP ke arah kecemerlangan dan berdaya saing dengan fakulti lain samada di peringkat nasional mahu pun antarabangsa. Bagi memanfaatkan kepakaran sumber manusia di FPP, PJI FPP telah mengadakan beberapa siri perkongsian penyelidikan, serta menerusi penerbitan makalah dalam jurnal. Jumlah penerbitan untuk tahun 2019 adalah sebanyak 232 dan 198 untuk tahun 2020 (Jadual 5.2c).

Bagi memastikan kegemilangan fakulti di peringkat global, pensyarah FPP telah disangkutkan di universiti luar negara serta menganjurkan aktiviti webinar antarabangsa bagi meningkatkan ketampakan pensyarah serta FPP di mata dunia (contoh seperti di Gambarajah 5.2c). Ini dapat dilihat melalui kejayaan MOOC yang telah dianjurkan oleh pihak fakulti dengan kerjasama dengan *Institute of Continuing Education and Profesional Studies (ICEPS)*. Selain itu, FPP terlibat di dalam pertukaran pelajar melalui program *inbound* dan *outbound* (5.2d) serta peningkatan kemahiran dari segi keusahawanan dengan kerjasama MASMED (Gambarajah 5.2e). Program ini secara tidak langsung telah memberi nilai tambah kepada kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelajar dan program pilihan.

SENARAI BUKTI:

1. [Gambarajah 5.2 Gambarajah 5.2a & Gambarajah 5.2b.pdf](#)
2. [Jadual 5.2a Jadual 5.2b & Jadual 5.2c.pdf](#)
3. [Bukti 3 Gambarajah 5.2c - Sangkutan Luar Negara Staf FPP bagi Tahun 2019 & 2020.pdf](#)
4. [Gambarajah 5.2d - Program Inbound dan Outbound Pelajar FPP.pdf](#)
5. [Gambarajah 5.2e – Aktiviti Peningkatan Kemahiran Keusahawan.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FPP juga telah mengambil tindakan yang proaktif dengan menubuhkan *Teaching and Learning Unit (T&L)* bagi memberi latihan tatacara pengendalian P&P atas talian serta memperkenalkan pelbagai aplikasi pilihan bagi penyampaian P&P secara lebih berkesan.

Pihak Pengurusan FPP menggalakkan komunikasi terbuka dan memberi ruang kepada staf untuk melontarkan pandangan serta pendapat. Tahap kepuasan hati warga kerja adalah berada di tahap yang baik dan jelas terbukti dengan keberhasilan kerja yang cemerlang melalui pencapaian penerbitan dan inovasi.

Pengurusan FPP mengamalkan sistem pelapis dengan bimbingan di peringkat awal perkhidmatan. Gambarajah 5.3 menunjukkan sistem-sistem yang diamalkan di FPP untuk mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan pengukuhan kerjasama antara staf. Perkongsian ilmu amat digalakkan iaitu dengan sesi pembentangan/perkongsian, hebahan melalui e-mail oleh peserta/pembentang kertas kerja dari fakulti. Hasil pembentangan penyelidikan digalakkan untuk diterbitkan sebagai hasil penerbitan berimpak tinggi selain merupakan kriteria kenaikan pangkat bagi staf akademik.

Pihak pengurusan FPP melantik pensyarah yang berkelayakan menjadi pakar rujuk bagi membimbing dan berkongsi ilmu dengan pensyarah-pensyarah lain terutama pensyarah muda. FPP juga mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi meningkatkan kredibiliti dan kepakaran pensyarah dengan program-program bersama badan-badan professional seperti dalam Gambarajah 5.3a.

Perkongsian dan cara pengajaran dan pembelajaran diadakan bagi memastikan kualiti P&P dapat dicapai melalui program *Training of Trainers (ToT)* (Gambarajah 5.3b) yang **dijalankan melibatkan seluruh pensyarah FPP dalam keseluruhan sistem UiTM** sebelum semester bermula bagi memastikan pensyarah dapat memberi perkhidmatan yang terbaik melalui P&P kepada pelajar.

Penambahbaikan ruang-ruang makmal *simulation* dan *behavioural lab*, *Postgraduate Centre (DPPS)*, *SMART-Room* (ruang kuliah, bengkel & perbincangan) (Gambarajah 5.3c), penambahbaikan terhadap ruangan bilik kuliah supaya lebih kondusif telah dilakukan dan dimanfaatkan oleh pelajar dan juga staf. Kemudahan--kemudahan yang telah disediakan itu adalah inisiatif dalam Perancangan Strategik 2019 – 2020 dan 2020-2025.

Selain itu, untuk mengekalkan kerelevanan kurikulum dan peningkatan kepakaran sumber manusia di FPP, beberapa inisiatif telah dilaksanakan. Antara usaha yang telah dijalankan adalah penubuhan Jawatankuasa Jaminan Kualiti yang dipengerusikan oleh Dekan menjalankan inisiatif-inisiatif bagi meningkatkan penampakan pensyarah di FPP. Antara inisiatif unit jaminan kualiti adalah dengan menubuhkan jawatankuasa seperti Jadual 5.3b dan Gambarajah 5.3d.

SENARAI BUKTI :

1. [Gambarajah 5.3 – Sistem yang digunakan di FPP.pdf](#)
2. [Gambarajah 5.3a – Senarai akreditasi dan badan professional.pdf](#)
3. [Gambarajah 5.3b – Program Training of Trainers \(ToT\).pdf](#)
4. [Gambarajah 5.3c – SMART-Room.pdf](#)
5. [Bukti 5 Jadual 5.3b & Gambarajah 5.3d.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi menjamin kelestarian pencapaian melalui objektif dan inisiatif tumpuan sumber manusia, fakulti telah mengambil beberapa inisiatif dengan melihat kepada penghargaan dan pengiktirafan kepada sumber manusia serta tindakan pengurusan terhadap maklumbalas sumber manusia. Selain itu, bagi menjamin kualiti P&P, maklumbalas dari pelanggan diberi perhatian melalui jawatankuasa PRO-PENS secara bersemuka dan TESA secara dalam talian bagi memantau P&P oleh pensyarah. Selain itu penilaian pensyarah turut diperolehi dari pelaporan CDL-CQI (rujuk Gambarajah 4.5b).

FPP mengambil pendekatan dinamik dalam pengurusan sumber manusia dalam membantu warga fakulti melakukan transformasi ke arah perkhidmatan yang cemerlang. Pelaksanaan bengkel dan ceramah dalaman di fakulti sedikit sebanyak membantu dalam usaha mencapai 42 jam latihan setahun bagi setiap individu.

Merujuk kepada tindakan pengurusan terhadap maklumbalas sumber manusia secara lazimnya bagi sesebuah organisasi yang mengamalkan sistem pengurusan yang telus, adil dan berkualiti, setiap maklumbalas sumber manusia akan diambil tindakan seberapa segera dan setiap komen atau cadangan yang diberikan akan dibincangkan dengan teliti di peringkat pengurusan fakulti sebelum sebarang tindakan dilaksanakan. Maklumbalas ini dibentangkan di dalam mesyuarat eksekutif fakulti yang diadakan setiap enam bulan. Mesyuarat bersidang akan menghuraikan tindakan yang diambil dan mengkaji keberkesannya di aduan melalui data atau maklumbalas yang diterima.

Bagi memantau keberkesanan aktiviti, pihak pengurusan HEP/HEA mewajibkan laporan terperinci bagi setiap aktiviti yang dijalankan. Selain itu FPP juga mengadakan mesyuarat secara berkala bagi memantau aktiviti P&P dalam fakulti. FPP juga memantau jumlah denominator berpotensi (DP) melalui sistem RIIS. Pencapaian pensyarah juga dipantau melalui pencapaian *MyRA score* dan pencapaian PI setiap bulan melalui pelaporan dan pembentangan dari Timbalan Dekan PJI dan ketua prancangan strategik FPP dalam mesyuarat eksekutif fakulti. Contoh pelaporan hasil adalah seperti Gambarajah 5.4. **Hasil pemantauan ini akan digunakan untuk mengkaji semula sistem pengurusan di fakulti.**

SENARAI BUKTI:

1. [Gambarajah 5.4 - Pencapaian PI dan panggilan pelaporan skor MyRA.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Gambarajah 5.4 menunjukkan senarai e-proses melalui pembangunan sistem FBMS yang telah dibangunkan oleh staf fakulti bagi menyokong dan memudahkan pengoperasian akademik, staf serta pelajar serta mengukur kompetensi. Sistem ini di bangunkan pada tahun 2017 dan hingga sekarang terdapat enam (6) informasi sistem yang di guna pakai oleh pelbagai unit FPP seperti HEP, HEA, Penyelidikan dan Pentadbiran. Enam informasi sistem ini adalah HRIS (*Human Resource Information System*), RIIS (*Research, Innovation, Industry & Community Information System*), CFIS (*Course File Information System*), STIS (*Student Industrial Training Information System*), SAIS (*Student Activities Information System*) dan ETIS (*E-Certificate Training Information System*). Antara objektif sistem integrasi ini adalah untuk memudahkan fakulti menjejaki dan mengemaskini segala bentuk latihan dan aktiviti staf dan pelajar, di samping melakukan perancangan strategik fakulti. Antara risiko yang dikenalpasti adalah tahap penggunaan yang masih rendah di kalangan staf dan pelajar.

Tahun 2019, pemantauan kuliah melalui Jawatankuasa PRO-PENS dapat dijalankan mengikut jadual namun ia berubah apabila Pandemik Covid-19 melanda. Aktiviti pemantauan kelas dijalankan secara dalam talian. Bagi tahun 2020 tumpuan khusus diberikan kepada peningkatan kemahiran teknologi maklumat bagi menjamin keberkesanan aktiviti P&P dan pengendalian peperiksaan yang dijalankan secara maya. Dalam memastikan mutu dan kualiti P&P, FPP telah menetapkan garis panduan pentaksiran dan penilaian akhir sejajar dengan arahan BHEA universiti. Penyediaan lebih dari 2 set kertas soalan menunjukkan yang Unit Peperiksaan FPP bersiap siaga menghadapi sebarang kemungkinan masalah yang timbul semasa peperiksaan dijalankan seperti ketidakstabilan internet yang dihadapi oleh pelajar semasa menjawab soalan. **Risiko-risiko yang telah dikenalpasti akan digunakan untuk merancang tindakan pencegahan yang bersesuaian.**

SENARAI BUKTI :

1. [Gambarajah 5.4a - risiko sistem-sistem dalam FPP.pdf](#)
2. [Jadual 5.4 – Risiko Sumber Manusia FPP.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Setelah risiko yang berpotensi mengekang pencapaian objektif dan inisiatif strategik berjaya dikenalpasti, pengurusan FPP berusaha untuk melakukan penambahbaikan. Bagi memastikan mutu P&P, pensyarah di kehendaki menghadiri bengkel pengajaran yang menggunakan pelbagai kaedah pengajaran atas talian. Ia dikendalikan oleh Unit “*Teaching & Learning*”, yang di tubuhkan khas bagi membantu pensyarah membiasakan diri dengan norma baru ini. FPP juga telah mewujudkan makmal khas iaitu “*MyLab*” kepada pensyarah dan pelajar bagi memantapkan lagi proses P&P (Gambarajah 5.4b).

Unit Peperiksaan FPP juga telah mengambil langkah yang bijak dengan memberi kebebasan yang fleksibel kepada pensyarah untuk memilih platform atas talian yang selesa, mudah dan selamat bagi membantu pelajar menduduki peperiksaan akhir. Bagi mengatasi masalah pelajar, terutamanya dari golongan B40 yang tidak mempunyai komputer, yang tidak mampu membeli kuota internet dan lain-lain isu berkaitan pembelajaran, FPP telah melancarkan program “1 Alumni 1 Komputer” yang diusahakan oleh unit ICAN, FPP. Program ini masih di teruskan hingga kini. (Gambarajah 5.4c).

Bagi memastikan pelajar kekal fokus, cergas dan aktif serta memantapkan kemahiran ihsaniah pelajar sepanjang proses pembelajaran atas talian, persatuan pelajar FPP dengan kerjasama Unit HEP fakulti, telah menganjurkan beberapa aktiviti untuk pelajar. Kolaborasi juga telah di adakan dengan pihak industri bagi memastikan jalinan pelajar dengan industri senantiasanya wujud walaupun atas talian. Sebagai contoh program *TAF Stock Trading Challenge* yang diadakan pada 24/8/2020 - 24/9/2020, yang menggunakan platform Bursa Market Place. Juga program *Stock Trading Challenge During Covid-19* yang berlangsung dari 1/12/2020 sehingga 9/1/2021, yang menggunakan Platform JF APEX (Gambarajah 5.4d).

FPP mengambil pendekatan dinamik dalam penambahbaikan pengurusan sumber manusia dalam membantu warga fakulti melakukan transformasi ke arah perkhidmatan yang cemerlang. Ini dijalankan melalui pengurusan prestasi, pengiktirafan dan ganjaran dalam pengurusan sumber manusia telah dilaksanakan untuk memotivasikan warga fakulti. Antara penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan FPP kepada sumber manusia seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), inisiatif kewangan (Gambarajah 5.4e) dan majlis apresiasi *Jewel in the Crown* (Gambarajah 5.4f). FPP juga memberi ucapan penghargaan melalui website fakulti, emel serta medium seperti whatsapp/telegram bagi setiap kejayaan yang dicapai oleh setiap staf FPP. **FPP juga memberi ucapan penghargaan melalui website fakulti, emel serta medium seperti whatsapp/telegram bagi setiap kejayaan yang dicapai oleh setiap staf FPP.**

SENARAI BUKTI :

1. [Gambarajah 5.4b - MyLab.pdf](#)
2. [Gambarajah 5.4c - Program 1 Alumni 1 Komputer.pdf](#)
3. [Gambarajah 5.4d – TAF Stock Trading Challenge.pdf](#)
4. [Gambarajah 5.4e - Inisiatif Kewangan.pdf](#)
5. [Gambarajah 5.4f - Majlis Jewel in the Crown.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi memastikan kemampunan FPP, pelbagai langkah dan strategi telah dan akan dilakukan. Ini bagi memastikan kepuasan pelanggan tercapai. Bengkel pengajaran dan pembelajaran terus di adakan oleh Unit Pengajaran dan Pembelajaran dengan mengenal pasti ruang yang perlu di berikan penekanan seperti pentaksiran penilaian kerja kursus agar lebih efektif. Beberapa figura yang pakar di dalam bidang pentaksiran penilaian telah dan akan di jemput bagi memantapkan P&P FPP. Kemahiran pengajaran dengan aplikasi secara maya terus di tingkat di kalangan pensyarah. Selain penggunaan MyLab (Gambarajah 5.5), aplikasi lain seperti *whatsapp*, *telegram*, *google classroom*, *zoom*, *google meet*, *ufuture*, dan juga *youtube* telah di mobilasi penggunaannya secara optimum bagi membantu P&P yang lebih efektif dan berdaya saing. FPP juga telah mengenalpasti pakar rujuk P&P dalaman yang berkongsi kaedah pengajaran. Di samping itu tabung dana untuk program “1 Alumni 1 Komputer” masih di teruskan bagi memberi peluang yang lebih besar kepada golongan sasar B40 (Gambarajah 5.5a). Aktiviti pelajar juga di teruskan bagi memastikan kecekapan komunikasi pelajar dapat di mantapkan dan di pertingkatkan. Beberapa siri webinar di adakan dan akan terus di rancang bagi membolehkan pelajar berkongsi pandangan dan ide dengan lebih berkesan. Bagi memastikan pensyarah terus aktif dalam penyelidikan, penulisan, perundingan serta penerbitan, Unit Penyelidikan sentiasa mengadakan ruang kaunseling penyelidikan kepada mereka yang memerlukan. Pelbagai webinar dan bengkel di adakan bagi memenuhi aspirasi FPP untuk terus cemerlang penyelidikan dan penerbitan. Beberapa memorandum persefahaman dan memorandum perjanjian diadakan dengan pihak industri dan universiti luar negara (rujuk Jadual 5.5). **Inisiatif-inisiatif ini diperluaskan di peringkat PTJ FPP seluruh Malaysia dengan penglibatan pensyarah dan pelajar FPP.**

SENARAI BUKTI :

1. [Gambarajah 5.5 - MyLab.pdf](#)
2. [Gambarajah 5.5a - Program 1 Alumni 1 Komputer.pdf](#)
3. [Jadual 5.5 - Memorandum persefahaman dan perjanjian.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tumpuan kepada operasi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) bermatlamat untuk mencapai kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan sistem kerja yang berkaitan dengan pentadbiran dan akademik selaras dengan objektif strategik FPP yang telah dirangka dalam Pelan Perancangan Strategik Fakulti 2016-2020 dan 2020-2025. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan sistem penyampaian P&P adalah cekap, berkesan dan membolehkan FPP mencapai keberhasilan optimum serta menjurus ke arah kelestarian prestasi.

Empat (4) objektif Strategik (OS) dan inisiatif tumpuan P&P, FPP. Fungsi FPP sebagai pusat perkembangan akademik pengajian tinggi adalah untuk menghasilkan program diploma, sarjana muda dan pasca siswazah yang dinamik dan menepati kehendak pasaran, di samping menambah nilai dan meningkatkan kualiti program akademik (P). Ianya berorientasikan pengetahuan dan pengalaman yang mensasarkan pelajar serta staf akademik FPP. Penglibatan pihak berkepentingan seperti industri, alumni, badan profesional serta institusi akreditasi amat penting dalam memberi input terkini berkaitan industri. Ini bagi memastikan FPP sentiasa menawarkan program akademik yang berkualiti, terkini serta memenuhi kehendak pasaran. Peluang berkolaborasi bersama pihak berkepentingan ini juga dimanfaatkan melalui MoA/MoU. Dalam memaksimumkan keberhasilan graduan serta program akademik yang berkualiti, FPP telah membentuk Jawatankuasa Teaching & Learning bagi memastikan staf akademik sentiasa dilengkapi dengan latihan berkaitan teknologi, kaedah P&P yang terkini dan kaedah P&P yang diselaraskan untuk penyampaian ODL (D). FPP sentiasa membudayakan amalan penambahbaikan kualiti secara berterusan (CQI) dengan menyemak pencapaian pelajar serta program akademik melalui CDL-CQI serta memantau sistem penyampaian P&P pensyarah melalui PRO-PENS dan TESA (C). FPP juga mengambil berat ke atas semua aduan serta maklumbalas yang diperolehi daripada pelajar serta staf untuk tujuan penambahbaikan operasi P&P serta peningkatan kualiti program melalui semakan kurikulum berkala (A).

Objektif strategik FPP yang kedua ialah mempersiapkan bakal graduan dengan kemahiran berfikir secara kritis (P). Operasi sistem penyampaian P&P diperkasakan dengan inisiatif yang bertumpukan kepada pendedahan dan pengalaman industri, komuniti di peringkat lokal dan antarabangsa dengan mensasarkan pelajar disamping keterlibatan pengajar dalam program *Community Engagement (CE)* (D). Setiap program yang dijalankan dirancang rapi agar sejajar dengan KPI dan matlamat university, fakulti dan maklumbalas selepas program diambilkira (C) untuk memastikan kelancaran pengelolaan program di masa hadapan (A).

Objektif strategik FPP yang ketiga iaitu meningkatkan mobiliti pelajar (P), FPP sentiasa menggalakkan pelajar mencari dan merebut peluang melalui program *ASEAN International Mobility for Students (AIMS)* serta program *outbound* ke luar negara (D). Jumlah kolaborasi, rekod pencapaian dan peringkat pencapaian sentiasa dipantau agar prestasi dan peluang untuk pendedahan dapat diteruskan (C). Staf fakulti sentiasa peka terhadap perancangan dan pelaksanaan anjuran *Office of International Affairs* agar dapat mewujudkan peluang yang sewajarnya diperingkat fakulti (A).

Objektif strategik FPP yang keempat iaitu meningkatkan penampakan staf akademik diperingkat kebangsaan dan antarabangsa (P), FPP sentiasa menggalakkan program (D) seperti mewujudkan MOOC, penerapan nilai dan budaya keusahawanan (MASMED), program mobiliti, sangkutan industri, jalinan kerjasama MoU/MoA dan program yang meningkatkan aktiviti khidmat masyarakat. Jumlah kolaborasi, rekod pencapaian dan peringkat pencapaian sentiasa dipantau agar prestasi dan peluang untuk pendedahan dapat diteruskan (C). Staf fakulti sentiasa peka terhadap perancangan dan pelaksanaan program anjuran FPP agar dapat mewujudkan peluang yang sewajarnya diperingkat fakulti (A).

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan sistem penyampaian P&P di FPP adalah cekap, berkesan serta dapat mengoptimumkan kadar keberhasilan yang dijangkakan. Bagi memastikan ini dapat dicapai, semua inisiatif strategik telah dipacu oleh proses-proses utama berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti secara amnya. **Inisiatif ini dijalankan berdasarkan kepada perancangan sistematik yang telah disediakan dengan dengan mengambil kira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan.** FPP juga komited terhadap kepatuhan dalam pelaksanaan setiap inisiatif agar ianya mengikut perancangan demi mencapai tahap keberhasilan yang optimum.

Dalam menghasilkan program diploma, sarjana muda dan pasca siswazah yang dinamik dan menepati kehendak pasaran, di samping menambah nilai dan meningkatkan kualiti program akademik, FPP komited dalam pelaksanaan proses-proses utama yang terlibat. Antaranya ialah, Prosedur Semakan Program Akademik UiTM. Prosedur ini adalah langkah standard tetapi signifikan kerana ia perlu dilakukan secara berkala dan sistematik untuk meningkatkan mutu program akademik tersebut. Program akademik yang baik perlu dipacu dengan reka bentuk kurikulum yang fleksibel, dinamik, kompetitif serta relevan dengan keperluan semasa dan masa depan (Gambarajah 6.2). Proses utama yang berikutnya ialah proses CDL-CQI. Carta Alir Penyediaan CDL-CQI menunjukkan usaha penambahbaikan kualiti secara berterusan ke atas program akademik bukan sahaja untuk meningkatkan malah untuk menjamin mutu program yang lestari. Bagi mencapai objektif tersebut, setiap kursus serta program akademik di UiTM perlu melaksanakan proses ini pada setiap semester bagi memantau pencapaian kursus serta program akademik secara keseluruhannya. Selain itu, Jawatankuasa NOBLE yang bertanggungjawab menyediakan pelaporan akhir akan mengenalpasti subjek atau program yang mempunyai indikator yang rendah serta langkah penambahbaikan yang perlu dilakukan untuk semester hadapan (Gambarajah 6.2a). Selain itu, kaedah penyampaian ODL digunakan sebagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang utama diambang pandemik Covid-19. ODL membolehkan aktiviti pembelajaran menjadi fleksibel dan boleh diakses oleh pelajar dimana-mana jua (Gambarajah 6.2a).

Bukan program akademik FPP sahaja yang dipantau dan ditambah baik secara berterusan, malah staf akademik juga turut sama dipantau bagi memastikan sistem penyampaian P&P mengikut piawaian yang ditetapkan pihak Universiti (PRO-PENS). Proses utama ini penting untuk memastikan tahap profesionalisme staf akademik berada pada tahap yang optimum. FPP komited dalam melaksanakan proses ini setiap semester dengan sekurang-kurangnya 30% staf akademik dipantau dan dicerap aktiviti P&P mereka. (Gambarajah 6.2b) Untuk penilaian sendiri pula, TESA digunakan agar pengajar dapat memajukan diri secara berterusan melalui refleksi (Gambarajah 6.2b).

Proses utama yang menyokong pencapaian objektif strategik dalam mempersiapkan bakal graduan dengan kemahiran berfikir secara kritis ialah Prosedur Penganjuran *Community Engagement* dan Prosedur Penganjuran Aktiviti Pelajar. Proses ini penting untuk melibatkan komuniti dalaman dan komuniti luar. Proses ini memberi ruang kepada pengajar untuk menyebar ilmu dan peluang untuk pelajar memperolehi pendedahan mengenai isu-isu masyarakat. Malah, proses ini amat signifikan agar FPP terlibat dalam aktiviti sosial yang menyokong matlamat universiti dan pembentukan pelajar yang serba boleh (Gambarajah 6.3c).

Proses utama seterusnya ialah proses yang menyokong pencapaian objektif strategik untuk meningkatkan mobiliti pelajar FPP. Proses yang terlibat ialah Carta Alir Proses Mobiliti Pelajar dan pensyarah. Pengendalian usaha mobiliti pensyarah dan pelajar dapat meningkatkan insaniah dan membentuk pensyarah dan pelajar yang kompeten dan cemerlang hasil daripada pengkayaan dan pengalaman budaya pembelajaran.

SENARAI BUKTI:

1. [Gambarajah 6.2 - Prosedur Semakan Program Akademik UiTM.pdf](#)

-
2. [Gambarajah 6.2a - Carta Alir Penyediaan CDL-CQI_Memo Pengendalian ODL.pdf](#)
 3. [Gambarajah 6.2b - Carta Alir PROPENS dan TESA.pdf](#)
 - 4.
 - 5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pendekatan PDCA (Gambarajah 6.3) diterapkan di dalam inisiatif CDL-CQI yang telah dilaksanakan dalam sistem UiTM. Inisiatif CDL-CQI bermula dengan perancangan proses penilaian dan pentaksiran oleh pakar rujuk (RP) dan pensyarah secara berterusan. Semua pensyarah perlu merekod output setiap kod kursus dalam *Course File Information System* (CFIS). Pemantauan berterusan dijalankan di peringkat KPP dan penyemakan, kawalan rekod penilaian dan pentaksiran oleh Jawatankuasa CFIS-FPP. Melalui proses ini, pelbagai isu berkaitan penilaian dan pentaksiran program dapat ditangani. Dengan pemakaian Prosedur Semakan Program Akademik, FPP telah menjalankan semakan kurikulum. **Seterusnya, pemantauan dan penambahbaikan dijalankan secara berterusan.**

Pelaksanaan PRO-PENS turut mempraktikkan model PDCA. Melalui pendekatan ini, jawatankuasa pemantauan profesionalisma pensyarah PRO-PENS bersidang untuk menetapkan kaedah pelaksanaan FPP diikuti dengan persampelan pensyarah yang akan dipantau. Data penilaian di analisa dan kemudiannya laporan dapatan umum disahkan di JAF. Maklumbalas diberi kepada pensyarah untuk usaha penambahbaikan (latihan) yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi P&P. TESA telah digunakan oleh FPP selepas penangguhan PRO-PENS. TESA mempraktikkan penilaian sendiri untuk membuat refleksi kekuatan dan kekurangan sendiri (Gambarajah 6.3a).

Mekanisme pelaksanaan ODL di FPP dikomunikasikan kepada warga pengajar, dimana perincian proses menjalankan kursus secara maya disampaikan. Perubahan dan mengubahsuaian yang diperlukan dalam proses dan prosedur digariskan agar para pensyarah dapat menyesuaikan kursus mereka dengan pendekatan dalam talian sepenuhnya. Seterusnya, pendekatan ODL dipantau dan dinilai semula untuk memastikan keberhasilan (Rujuk Gambarajah 6.3b).

Pendekatan PDCA (Gambarajah 6.3c) turut dipraktikkan dalam pelaksanaan program *Community Engagement* sejajar dengan Prosedur Penganjuran *Community Engagement*. Promosi program dijalankan dengan melibatkan staf dan pelajar. Setelah program tamat, penganjur program perlu menyediakan laporan untuk dihantar kepada TDPJI@CAEN. Melalui proses ini, pihak penganjur dapat memantau hasil dan penambahbaikan yang diperlukan untuk acara-acara yang akan datang. Untuk *CEO@Faculty Programme* pula, program ini juga dirancang dengan rapi dan menggunakan pendekatan yang serupa, sejajar dengan prosedur Kementerian Pengajian Tinggi. Model PDCA (Gambarajah 6.3d) diaplikasikan dalam pelaksanaan Program Mobiliti Pelajar. Ianya menggariskan langkah-langkah pengelolaan dan susunan program mobiliti pelajar berlandaskan Carta Alir Proses Mobiliti Pelajar (Gambarajah 6.3e). Melalui kerjasama *Office of International Affairs (OIA)*, program bersama universiti luar dikenalpasti dan dipromosikan kepada pelajar FPP. Seterusnya, pengenalan dan pemilihan pelajar layak dijalankan. Pemantauan ke atas Program Mobiliti Pelajar dilakukan menerusi beberapa kaedah iaitu melalui laporan pencapaian dan jumlah kolaborasi, maklumbalas pelajar universiti terlibat dan lawatan akademik. Usaha penambahbaikan turut dijalankan hasil daripada dapatan yang diperolehi melalui pemantauan yang dilakukan. FPP juga berkerjasama dengan *Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED)* bagi meningkatkan pengetahuan keusahawanan pensyarah dan pelajar melalui aktiviti-aktiviti latihan keusahawanan dan program-program seperti "*Varsity Event Avengers*" seperti Gambarajah 6.3f dan pendaftaran syarikat di SSM melalui MASMED. Akhir sekali, FPP juga menggalakkan pensyarah untuk mengikuti Latihan dan sangkutan industri seperti menyertai *CEO@faculty programme* (Gambarajah 6.3g).

SENARAI BUKTI :

1. [Bukti 1 Gambarajah 6.3 & Gambarajah 6.3a.pdf](#)

2. [Gambarajah 6.3b - Mesyuarat Pemantauan penilaian ODL.pdf](#)
3. [Bukti 3 Gambarajah 6.3c, Gambarajah 6.3d & Gambarajah 6.3e.pdf](#)
4. [Gambarajah 6.3f - Contoh aktiviti keusahawanan \(MASMED\).pdf](#)
5. [Gambarajah 6.3g - CEO @ Faculty dan Community Engagement.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Empat objektif strategik (OS1, OS2, OS3 dan OS4) digariskan bagi mencapai kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan sistem kerja bagi mencapai tahap keberhasilan yang optimum. Setiap inisiatif berkaitan objektif strategik perlu memberikan hasil yang diselaraskan dengan petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan oleh (CSPI) yang kini dikenali sebagai (BTU). Pemantauan akan dijalankan bagi memastikan setiap projek mencapai sasaran yang ditetapkan. **Semua hasil pemantauan ini akan digunakan untuk mengkaji semula sistem pengurusan di fakulti.**

FPP berjaya mencapai Band 5 (84.4%) kadar peratusan kebolehpasaran graduan (GE) mengikut Manual Indeks Daya Saing Program Akademik (ISDPA). Pencapaian taraf band yang tinggi ini menunjukkan operasi P&P FPP jauh lebih tinggi daripada jangkauan (Jadual 6.4).

Hasil pelaksanaan ODL dipantau dengan peratusan pengendalian pembelajaran secara *synchronous* dan *asynchronous* (Gambarajah 6.4a). PRO-PENS pula dipantau melalui tahap kecemerlangan pengajaran berdasarkan penilaian rakan sekerja. Hasil pemantauan PRO-PENS yang cemerlang iaitu 91.65% dicapai oleh tenaga pengajar FPP. Untuk TESA pula, soal selidik digunakan untuk menentukan skor min indikator penilaian sendiri untuk tahap penguasaan pengajaran (Gambarajah 6.4b).

Hasil pelaksanaan inisiatif di bawah objektif strategik kedua, *CEO @ Faculty Programme* dipantau melalui bilangan projek/seminar yang terlibat bersama rakan industri manakala, *Community Engagement* dipantau melalui bilangan projek/kolaborasi yang terlibat bersama komuniti (contoh di Gambarajah 6.4c dan Gambarajah 6.4d).

Hasil pelaksanaan inisiatif di bawah objektif strategik ketiga, inisiatif seperti program *ASEAN International Mobility for Students* (AIMS) dan Program *Outbound* pelajar ke luar negara, jumlah bilangan lawatan, persidangan dan latihan praktikal telah diambilkira untuk menilai keberkesanan inisiatif tersebut (Gambarajah 6.4e).

Hasil pelaksanaan inisiatif di bawah objektif strategik keempat telah dipantau melalui pencapaian PI serta dilaporkan dan diwar-warkan kepada warga fakulti melalui mesyuarat akademik fakulti yang dipengerusikan oleh Dekan bagi meningkatkan penampakan staf akademik diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara hasil inisiatif ialah melalui peningkatan program mobiliti pensyarah, sangkutan industri, jalinan kerjasama MoU/MoA bagi meningkatkan kolaborasi projek dan penyelidikan dan peningkatan aktiviti khidmat masyarakat (Gambarajah 6.4f).

SENARAI BUKTI:

1. [Jadual 6.4 - Jangkauan Hasil dan Kebolehpasaran Graduan.pdf](#)
2. [Gambarajah 6.4a - Peratusan Pengendalian Pembelajaran Secara Asynchronous dan Synchronous.pdf](#)
3. [Gambarajah 6.4b - Laporan PRO-PENS dan TESA.pdf](#)
4. [Gambarajah 6.4c - CEO @ Faculty dan Community Engagement.pdf](#)
5. [Bukti 5 Gambarajah 6.4d, Gambarajah 6.4e & Gambarajah 6.4f.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FPP telah mengenalpasti empat risiko di dalam proses utama yang menyokong objektif strategik dan inisiatif strategik iaitu dari segi: 1) proses melibatkan penghasilan program akademik yang dinamik; 2) proses melibatkan program bersama industri dan komuniti; dan 3) proses melibatkan program mobiliti pelajar. **Risiko-risiko ini akan diambilkira bagi merancang tindakan pencegahan yang bersesuaian bagi menghasilkan output yang optimum dalam proses P&P di fakulti.**

Risiko limitasi kemahiran P&P staf akademik wujud disebabkan perubahan semasa kepada landskap P&P yang dinamik dan sering menuntut staf akademik untuk peka dalam meningkatkan kemahiran P&P. Bagi mengatasi cabaran ini, FPP sentiasa memainkan peranan penting dalam memastikan staf akademik mendapat maklumat serta latihan yang terkini dan bersesuaian bagi memastikan sistem penyampaian P&P dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Bagi risiko peruntukan bajet aktiviti pelajar yang terhad dan kesukaran mendapatkan kolaborasi rakan industri dan komuniti. Risiko ini boleh menyebabkan program sukar dianjurkan. Antara tindakan pencegahan yang telah digariskan adalah penganjuran aktiviti pelajar secara kerjasama, memperolehi dana secara '*crowdfunding*' dan usaha staf FPP disetiap peringkat fakulti untuk memupuk hubungan baik bersama rakan industri dan komuniti untuk menjamin keberhasilan program.

Seterusnya ialah risiko kewangan disebabkan oleh peruntukan bajet program mobiliti yang terhad. Risiko-risiko ini menyebabkan kesukaran menghantar pelajar yang secukupnya dan penglibatan pelajar yang kurang memuaskan. FPP telah merancang pelan tindakan pencegahan bagi memastikan risiko yang terlibat ini dapat dihapuskan atau dikurangkan. Antara tindakan pencegahan yang telah digariskan adalah latihan peningkatan kemahiran dan pengetahuan kepada staf akademik, penganjuran aktiviti pelajar secara kerjasama, dan promosi program mobiliti kepada pelajar.

Akhirnya risiko Pandemik Covid-19. Bagi proses utama yang melibatkan usaha-usaha P&P, program mobiliti, dan program bersama industri dan komuniti, risiko yang dihadapi adalah kekangan untuk menjalankan program seperti biasa disebabkan oleh perintah larangan pergerakan dan prosedur operasi standard (SOP) pandemik. Untuk mengatasi situasi ini, program-program fakulti diubahsuai untuk dijalankan secara dalam talian dan juga dengan mengambil kira SOP Sektor Pendidikan agar keselamatan sejagat dapat dipelihara dan program fakulti masih boleh dikendalikan dengan baik.

SENARAI BUKTI :

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Memandangkan landskap P&P yang semakin dinamik dan sering menuntut staf akademik untuk sentiasa peka dalam meningkatkan kemahiran P&P mereka, FPP sentiasa cakna terhadap kepentingan dalam memastikan staf akademik mendapat maklumat serta latihan yang terkini dan bersesuaian. Oleh yang demikian, FPP telah mewujudkan Jawatankuasa *Teaching & Learning (T&L)* yang bertanggungjawab dalam merancang dan menawarkan program latihan yang serba terkini bagi memastikan sistem penyampaian P&P dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan (Rujuk Gambarajah 6.4g: Teaching&Learning).

Usaha CDL-CQI dikoordinasi oleh Jawatankuasa NOBLE dan dibantu oleh Pentadbir Akademik sebagai sekretariat yang menganalisa pencapaian kualiti program akademik di fakulti. Rekod, laporan dan data daripada pelajar dan pengajar dikaji setiap semester. Jawatankuasa NOBLE bertindak untuk menganalisa rumusan dan data yang diterima, membincangkan isu-isu program, mengenalpasti punca, mencari penyelesaian dan membuat perancangan tindakan susulan. **Hasil penganalisaan dikongsi bersama warga jabatan melalui aktiviti penambahbaikan yang diperluaskan oleh KPP, Ketua Unit Kualiti dan Timbalan Dekan Akademik. Dengan usaha ini, jawatankuasa ini bertindak sebagai penyelarasan utama yang komited terhadap peningkatan berterusan dan kemajuan program akademik di fakulti.**

Setiap tahun, acara yang dijalankan di bawah *Community Engagement* dan *CEO@Faculty Programme* melibatkan komuniti dan individu yang berbeza-beza. Oleh yang demikian, maklumbalas diperolehi apabila acara-acara ini berlangsung dan daripada komuniti dan individu yang terlibat di dalam inisiatif ini. Maklumbalas ini kemudiannya diterapkan sebagai intipati untuk penambahbaikan.

Program mobiliti pelajar melibatkan pelajar *inbound* dan juga *outbound*. Pelajar *inbound* dan *outbound* memberi maklumbalas melalui testimoni (Rujuk Gambarajah 6.4h: Testimoni) yang diambil maklum oleh pihak fakulti untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk keberhasilan program mobiliti pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [Gambarajah 6.4g - Penambahbaikan Teaching & Learning.pdf](#)
2. [Gambarajah 6.4h - Testimoni AIMS.pdf](#)
- 3.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Peranan teknologi dan sistem automasi dalam pelaksanaan pengurusan operasi FPP, sebagai fakulti terbesar di UiTM adalah sangat signifikan. Sistem automasi digunakan untuk proses *Continuous Quality Improvement (CQI)* agar meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam sistem operasi P&P.

Course File Information System (CFIS) adalah sistem yang digunakan oleh FPP untuk membolehkan Unit Kualiti menguruskan proses-proses pengauditan pengajaran secara dalam talian. Sistem ini digunakan untuk melaksanakan dan mempermudah proses penganalisan yang diperlukan untuk mengaudit proses-proses P&P. Sistem ini membolehkan pengautomasian proses dan berfungsi sebagai pangkalan data untuk mempermudah pengurusan yang berkesan (Gambarajah 6.5: Manual CFIS).

Kursus *Industrial Training* adalah satu komponen kurikulum Ijazah Sarjana Muda yang mustahak. Pelajar tahun akhir perlu mengikuti kursus ini agar mendapat pendedahan pengalaman industri dan praktikal. Oleh itu, *Student Internship Information Training System (STIS)* digunakan pada tahun 2020 untuk mempermudah segala pengurusan proses penempatan dan pelaporan *internship* oleh keseluruhan pelajar FPP. Sistem ini membolehkan pelajar, pensyarah, penyelia *internship* dan penyelaras untuk menguruskan keseluruhan proses ini dari portal maya dengan lancar. Inovasi ini mempermudah proses-proses pengurusan dan penilaian kursus (Rujuk Gambarajah 6.5a: Mukadepan STIS).

Secara keseluruhannya, penggunaan sistem CFIS, STIS dan SAIS adalah inovasi pengurusan yang telah diperluaskan di peringkat PTJ dan digunakan oleh seluruh warga FPP. Tambahan pula, **SAIS mempunyai kemampuan untuk diperluaskan penggunaannya ke peringkat nasional.**

SENARAI BUKTI :

1. [Gambarajah 6.5 - Manual CFIS.pdf](#)
2. [Gambarajah 6.5a - STIS.pdf](#)
3. [Gambarajah 6.5b - Maklumat berkenaan Sistem SAIS.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL PRESTASI KEWANGAN

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Hasil dari Prestasi Kewangan FPP diukur dari tiga (3) aspek iaitu keberkesanan kos, pulangan dari perlaburan dan pengurangan kos. Untuk keberkesanan kos, Tabung Amanah Pelajar (TAPA) telah dikawal selia secara efisien oleh pejabat Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar. Untuk pulangan dari pelaburan, tabung amanah dan pembangunan akademik (TAPA) telah dikawal selia secara efisien oleh Pejabat Penolong Pendaftar manakala hasil keberkesanan tabung TAPA telah dikawal selia oleh Pejabat Timbalan Dekan, Kajian dan Inovasi. Pengurangan kos adalah usahasama pejabat dekan dan pensyarah yang terlibat.

Kemampuan kewangan FPP dari tiga (3) aspek ini adalah amat penting dan bertepatan dengan perkara lima (5) daripada sepuluh (10) Lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dalam RMKe-11, iaitu meningkatkan usaha penjana pendapatan bagi mengurangkan kebergantungan dana kewangan kerajaan. Kemampuan kewangan dari tiga (3) aspek ini juga bertepatan dengan objektif UiTM iaitu mengawal selia kewangan secara efektif kearah kelestarian organisasi.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [Tahap Tumpuan Pelanggan FPP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [Tren Tumpuan Pelanggan FPP.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [Perbandingan Tumpuan Pelanggan FPP.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [Kepentingan Tumpuan Pelanggan FPP.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL TUMPUAN PELANGGAN

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM sangat komited untuk memberi tumpuan kepada pelanggan berdasarkan program atau aktiviti yang melibatkan pelajar dan masyarakat. FPP sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Antara inisiatif yang telah dijalankan ialah jalinan kerjasama dengan universiti dan industri dalam dan luar negara (MOU/MOA) untuk menambah penampakan pelajar dan pensyarah, program pertukaran Pelajar (*inbound and outbound*), *Program Massive Open Online Course (MOOC)*, Program Kolaborasi Pelajar Dengan Universiti/Industri, Program Pelajar Menjalani Latihan Industri di Syarikat Multinasional dan program pembudayaan keusahawanan. Program pertukaran pelajar secara inbound merupakan program di mana FPP menerima masuk pelajar dari universiti lain untuk tempoh tertentu sama ada satu minggu, satu bulan, satu tahun atau satu semester. Manakala program pertukaran pelajar secara outbound pula, pihak FPP menghantar pelajar FPP ke luar negara untuk tempoh tertentu. Hal ini membolehkan mereka mengembangkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi anggota masyarakat global yang produktif dan berjaya. UiTM mengalakkan kursus dalam pembelajaran melalui *Massive Online Open Course (MOOC)* selari dengan Pernyataan Hala Tuju Strategik UiTM untuk RMKe-11 untuk menjadi universiti yang mengoptimumkan aksesibiliti, mempelopori ilmu, menjuarai penemuan baru serta menghasilkan teknologi berinovatif.

MOOC merupakan salah satu kaedah yang terbaru dalam senarai kaedah teknologi untuk menyokong pendidikan dalam talian dan jarak jauh. Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (ICAN) telah bertindak sebagai pemudahcara dan pemangkin terhadap perhubungan dan jaringan industri, masyarakat serta penglibatan alumni universiti. Usaha jaringan melalui projek kolaborasi dan kerjasama mampu membantu memanfaatkan bakat. Penganjuran majlis Anugerah Kecemerlangan Perhubungan Industri, Masyarakat dan Alumni (AKPIM) telah mengengahkan penglibatan fakulti, kampus dan Pusat Tanggung Jawab (PTJ) dengan industri dalam usaha membantu pembangunan ekonomi dan masyarakat. Program ini dilihat sebagai batu loncatan dan penanda aras antara fakulti, kampus dan PTJ. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2012-2025 dilancarkan bertujuan untuk memantapkan pembangunan keusahawanan dan melahirkan graduan yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan. Menyedari pentingnya penerapan nilai dan budaya keusahawanan di Universiti Awam (UA), Pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan Keusahawanan Malaysia (*Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development atau MASMED*), UiTM komited menggalas tanggungjawab bagi mencapai matlamat menjadi Universiti berteraskan penyelidikan dan keusahawanan. FPP turut menyumbang kepada pencapaian objektif tersebut dengan menganjurkan pelbagai aktiviti pembudayaan keusahawanan. Selain dari itu, FPP sentiasa memantau bilangan pelajar yang menceburi bidang usahawan dan yang telah berdaftar dengan Pusat Keusahawanan Universiti (MASMED) atau SSM. Melalui aktiviti-aktiviti promosi, akreditasi program dan serta perhubungan baik dan berterusan diantara pihak universiti dan ibubapa, badan-badan professional serta pihak industri, maka bilangan pendaftaran kemasukkan pelajar di FPP meningkat dari tahun ke tahun disebabkan kewujudan kepakaran di FPP yang telah menerima pengiktirafan melalui penyelidikan dan oleh badan profesional. Program sebegini merupakan inisiatif yang dibawah seliaan Unit Hal Ehwal Pelajar.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [Tahap Sumber Manusia FPP.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [Tren Sumber Manusia FPP.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [Perbandingan Sumber Manusia FPP.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [Kepentingan Sumber Manusia FPP.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL TUMPUAN SUMBER MANUSIA

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FPP mendukung penuh kepentingan tenaga kerja yang berkualiti dan berprestasi demi membawa universiti ke tahap yang lebih tinggi dan ianya menjadi tujuan utama dalam penetapan RMKe-11 UiTM. Kejayaan FPP mencapai perancangan strategik yang diunjurkan pada tahun 2020 menunjukkan organisasi mempunyai kemampuan dan tenaga kerja yang kompeten. Kepentingan pencapaian sumber manusia adalah seiring dengan hasrat Program Transformasi UiTM yang menetapkan impak kepada kepada kecemerlangan bakat. Sumber tenaga pensyarah FPP adalah menjadi tunggak kepada kejayaan fakulti bagi meneruskan hasrat universiti dalam memacu pembangunan universiti dan seterusnya negara selaras dengan aspirasi nasional. Dua impak sumber manusia yang akan dinilai adalah yang pertama dalam konteks pembangunan pensyarah FPP dalam bidang Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) dan juga impak kedua kepada bidang-bidang lain.

Analisa ini telah melibatkan pencapaian sebenar keseluruhan pada tahun 2020. Pencapaian ini termasuklah faktor seperti penghasilan penerbitan, jumlah bilangan penjanjian (MoU/MoA), jumlah bilangan pakar rujuk dari kalangan pensyarah, keusahawanan dan sebagainya. Bagi tujuan hasil pencapaian prestasi pensyarah FPP, kaedah yang telah digunapakai dalam Analisa laporan ini adalah penghasilan perbandingan dari tahun ke tahun. Perbandingan melalui tahap sasaran, tren dan juga kepentingan sasaran mengikut *Performance Indicator* (PI) dari Unit Perancangan Strategik juga adalah menyumbang kepada kaedah penetapan hasil sasaran laporan ini. Data yang telah diperolehi dalam laporan analisa ini adalah didapati dari Pihak Pengurusan FPP bagi tahun dinilai.

Bagi tujuan dapatan hasil dari sumber manusia, analisa telah dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu terdiri daripada (i) Pembangunan Pensyarah, (ii) Kompetensi Pensyarah dan akhir sekali ialah (iii) Pencapaian Akademik Pensyarah. Hasil dari kaedah perbandingan tahap, tren dan kepentingan PI yang telah dilakukan, didapati pensyarah FPP berjaya mencapai tahap sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti. Seterusnya, bagi tren tahap pencapaian, peningkatan positif secara berterusan dapat dilihat jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Dan akhir sekali, melalui perbandingan pencapaian dengan fakulti-fakulti lain menunjukkan ketiga-tiga kategori yang dipilih telah mengungguli perbandingan dan memenuhi sasaran tercapai 100% pada tahun 2020. Secara kesimpulannya, kejayaan FPP dalam mencapai sasaran yang ditetapkan adalah penting dan ia akan memberi impak kepada universiti secara keseluruhan dengan mewujudkan tenaga kerja akademik yang kompeten dan bersedia memberikan perkhidmatan berkualiti yang boleh berfungsi secara optimum mengikut kemampuan sebenar.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [Tahap Prestasi Kewangan FPP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [Tren Prestasi Kewangan FPP.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [Perbandingan Prestasi Kewangan FPP.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [Kepentingan Prestasi Kewangan FPP.pdf](#)